

BULETIN



# ILHAM

PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN IKHTISAS  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



EDISI  
2/2023

**SIDANG EDITOR SESI 2023-2025**



**Puan Asmany Aza Ahmad**  
 Ketua Exco Penerbitan  
 Timbalan Ketua Pustakawan(S52 FX)  
 Ketua Unit Perolehan & Katalog  
 Perpustakaan, Tun Seri Lanang, UKM  
 asmany@ukm.edu.my



**Dr. Fhataheya Buang**  
 Timbalan Exco Penerbitan  
 Pegawai Penyelidik Kanan (Q44)  
 Pejabat Dekan, Fakulti Farmasi, UKM  
 fhataheya\_buang@ukm.edu.my



**Puan Rusiah Husin**  
 Setia Usaha Exco Penerbitan  
 Pustakawan Kanan (S44)  
 Perpustakaan Undang-Undang, UKM  
 rusiah@ukm.edu.my



**Puan Nor Asiah Mohamad**  
 AJK Exco Penerbitan  
 Penolong Ketua Pustakawan (S48)  
 Perpustakaan Lingkungan Kedua, UKM  
 nor@ukm.edu.my



**Encik Khalid Hashim**  
 AJK Exco Penerbitan  
 Pereka Kanan (B48 KUPD)  
 Penerbit UKM  
 alid@ukm.edu.my



**Encik Mohd Hairul Nizam Harun**  
 AJK Exco Penerbitan  
 Pegawai Penyelidik Kanan (Q44)  
 Pejabat Dekan, Jabatan Oftalmologi  
 Fakulti Perubatan, UKM  
 hairulnizam@ppukm.ukm.edu.my














**Encik Mohamad Salleh Sulieman**  
 AJK Exco Penerbitan  
 Pegawai Tadbir Kanan(N44)  
 Sekretariat Hal Ehwal Jaringan, Industri  
 dan Masyarakat, Fakulti Perubatan, UKM  
 sallehsulieman@ukm.edu.my



**Encik Muhammad Khairi Abdul Ghani**  
 AJK Exco Penerbitan  
 Pegawai Penerbitan (N41)  
 Penerbit UKM  
 khairi26@ukm.edu.my

# KANDUNGAN

		Nilai PERTADI	2
3		Organisasi Exco PERTADI 2023-2025	
		Dari Editor	4
5		Sekapur Sirih Presiden PERTADI UKM	
		Imbasan Sejarah	6
8		Aktiviti PERTADI 2023	
		Album Aktiviti PERTADI 2023	10
12		Artikel Aktiviti PERTADI 2023	
		Artikel Umum	30
42		Trivia PERTADI	
		Pencapaian / Kejayaan / Pengiktirafan Ahli PERTADI	44

Hak Cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada PERTADI UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from PERTADI UKM.



Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
 PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PERTADI)  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

 ilhampertadi@ukm.edu.my

 PERTADI UKM

  pertadi.ukm



NARATIF BAHARU UKM  
**UNIVERSITI WATAN KITA**



## NILAI PERTADI

<b>P</b>	<b>PATRIOTIK</b>	Memupuk nilai kecintaan serta solidariti yang ampuh terhadap institusi serta negara. Menjiwai nilai Universiti Watan serta keserakanan sebagai warga UKM.
<b>E</b>	<b>EMPATI</b>	Menyelami dan memahami emosi serta situasi, disusuli tindakan yang positif untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni.
<b>R</b>	<b>RESPONSIF</b>	Menyegerakan tindakan yang bersifat membantu terhadap sesuatu usaha sebagai ramuan utama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada Warga UKM dan masyarakat.
<b>T</b>	<b>TOLERANSI</b>	Menghormati dan menghargai perbezaan sebagai asas dalam sebarang tindakan. Kesepaduan dalam kepelbagaian merupakan titik penting dalam keharmonian pengurusan organisasi.
<b>A</b>	<b>ADVOKASI</b>	Mencipta perubahan positif melalui kerangka khidmat nasihat serta libat urus berasaskan kepakaran. Memupuk minda kolaborasi bagi kelangsungan perkhidmatan yang efektif dan segar.
<b>D</b>	<b>DINAMIK</b>	Menjadi agen perubahan dalam memperbaiki dan menambah baik sistem sedia ada. Sentiasa bertenaga serta mampu membuat penyesuaian yang menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.
<b>I</b>	<b>INTEGRITI</b>	Melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan untuk kepentingan awam, tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri berlandaskan nilai kejujuran dan ketulusan yang utuh dalam perkhidmatan.

# ORGANISASI

EXCO PERTADI 2023-2025



## Dari EDITOR



Assalamualaikum dan Salam Universiti Watan.

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, Buletin ILHAM PERTADI edisi 2/2023 ini berjaya diterbitkan dan bertemu sekali lagi untuk tatapan pembaca warga UKM. Salam hormat kepada semua pembaca Buletin ILHAM khususnya Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM yang dihormati.

Setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah khusus kepada sidang editor Buletin ILHAM PERTADI yang gigih dan berjaya menerbitkan edisi kali ini untuk menjadi wadah penyebaran maklumat aktiviti PERTADI di samping mengetengahkan bakat kakitangan UKM dalam bidang penulisan.

Buletin ILHAM diwujudkan bagi menggalakkan ahli-ahli PERTADI dalam kalangan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM menyumbang idea-idea bernas dan kreatif melalui penulisan.

Paparan Buletin ILHAM untuk edisi pada kali ini, menampilkan pelbagai artikel menarik terutamanya mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan untuk dikongsi dengan semua ahli PERTADI.

Akhir kata, saya mewakili sidang editor merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan artikel untuk edisi kali ini. Semoga PERTADI dapat bergandingan bahu memberi komitmen terbaik bagi melonjakkan pencapaian UKM sebagai Universiti Watan kita.

Pohon bidara di tengah laman,  
Tumbuh berseri hijau daunnya;  
Buletin ILHAM jadi nukilan,  
Maju PERTADI untuk semua.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Hormat,

**Puan Asmany Aza Ahmad**  
Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL)  
Ketua Editor

## SeKapur Sirih

## PRESIDEN PERTADI UKM



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani buat semua ahli Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Exco Penerbitan PERTADI dalam usaha menjayakan penerbitan Buletin ILHAM PERTADI ini. Semoga dengan terhasilnya Buletin ILHAM PERTADI ini, segala maklumat berkenaan program dan pencapaian warga UKM, khususnya warga PERTADI, dapat kita sebarkan kepada semua.

Selaras dengan matlamat penubuhan PERTADI pada 15 Ogos 1977, saya selaku Presiden PERTADI, berharap agar persatuan ini mampu untuk mewujudkan sebuah suasana kerja yang mementingkan kerjasama dan menjaga kesejahteraan ahli-ahli melalui setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan. PERTADI juga berazam untuk menegak dan mengukuhkan prinsip pengurusan yang cekap, adil & demokratik supaya kita dapat memajukan bidang pentadbiran, demi meningkatkan lagi imej Universiti Kebangsaan Malaysia ini.

Insyallah, saya bersama barisan exco-exco PERTADI, akan terus memastikan bahawa nilai-nilai PERTADI akan terus diangkat supaya persatuan ini dikenali oleh setiap warga di dalam atau luar UKM, untuk memudahkan urusan jaringan kerjasama bersama pelbagai pihak. Saya juga menyambut baik usaha daripada mana-mana ahli PERTADI yang ingin bersama-sama menabur bakti dan menjayakan apa jua program yang dilihat sebagai bermanfaat dan berimpak tinggi kepada warga Pentadbir di UKM.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM yang setia bersama dengan persatuan ini tahun demi tahun, dan saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua ahli yang baharu mendaftar bersama persatuan ini.

Berlayar nakhoda elok kemudi,  
Membawa dagangan emas suasa;  
Terima kasih Warga PERTADI,  
Demi UKM menyumbang jasa.

Akhir kata, semoga PERTADI mampu untuk menjadi wadah perpaduan dan batu loncatan kepada kemajuan semua Pegawai Tadbir & Ikhtisas yang bernaung di bawah persatuan ini. Saya berharap agar PERTADI akan sentiasa keterhadapan dalam mendukung hasrat Universiti Watan untuk menjadi sebuah universiti yang cemerlang dan disegani di peringkat antarabangsa.

**Tuan Haji Zanudin Mohd Daud**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI)  
UKM

# Jurbasan Sejarah



Tuan Canselor Melawat Kampus Induk UKM Bangi



Tun Abdul Razak melawat tapak kampus UKM



D.Y.M.M. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor, menanam pokok tanda keramahan semasa lawatan ke tapak projek kampus induk UKM, Bangi

## LANJUT PELAJARAN

Seramai tujuh orang lagi tenaga pengajar U.K.M. akan melanjutkan pelajaran ke-seberang laut dibawah Sekim Latihan Tenaga Pengajar UKM Mereka ialah :

Encik Chan Soon Tak dari Jabatan Parasitologi, Fakulti Perubatan melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah MSc. di bidang "Parasitologi" di Tulane University U.S.A. selama satu tahun.

Dr. Chong Siew Meng dari Jabatan Pathologi, Fakulti Perubatan mengikuti kursus "Diploma Clinical Pathology" di Royal Post-Graduate Medical School, Hammersmith Hospital, London selama dua tahun.


Cik Wook binti Endut dari Jabatan Ekonomi Analisa, melanjutkan pelajaran untuk Ijazah M.A. "Economics" di University of Kent, Canterbury United Kingdom, selama dua tahun.

Encik Phang See Wang dari Jabatan Matematika, melanjutkan pelajaran untuk Ijazah Ph.D. dalam bidang "Mathematics" di Wisconsin University, U.S.A. selama 3 tahun.

Dr. Noriah bt Muhammad Salleh dari Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan mengikuti kursus untuk Ijazah Master's dalam bidang "Public Health" di Tulane University, U.S.A. selama satu tahun.

Puan Halimah bt Abdullah Sani, dari Jabatan Biologi, mengikuti kursus Ijazah MSc dalam bidang "Biochemistry" di Aberdeen University, United Kingdom, selama dua tahun.

## 1..2..3.. Tolak!



"Bus Needed Help" - Wilford Long

"Bus needed help" hasil dari Encik Wilford Long dari Pusat Teknologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah diambil semasa Perayaan Thai-pusam diadakan di Batu Cave, telah memenangi hadiah ACCU dalam pertandingan seni foto yang telah dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan Asia untuk UNESCO di Jepun baru-baru ini.

Sejumlah 2,500 penyertaan yang bertemakan "On The Move - People and Vehicle in Asia" telah diterima dari 15 buah negara di Asia dalam pertandingan tersebut.

Puan Zaharah binti Aziz, dari Jabatan Pendidikan UKM melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D. dalam bidang pendidikan sekolah menengah di bawah Sekim Tenaga Pengajar di Iowa University, USA selama 3 tahun.

Sementara itu beberapa orang tenaga pengajar telah mula mengikuti kursus-kursus Ijazah Lanjutan di bawah sekim yang sama sejak beberapa bulan yang lalu. Mereka ialah :

Encik Shahrudin Ahmad dari Jabatan Ilmu Alam. Beliau mengikuti kursus sarjana dalam bidang "Climatology, and in the field of Climatology, Uni di University of Leeds, United Kingdom, selama 2 tahun, mulai bulan Disember 1976.

Encik Razak bin Mohamad, dari Jab. Ekonomi Analisa mengikuti kursus Ijazah M.A dalam bidang "Demography" di University of the Philip pines selama 2 tahun, mulai 11hb. April 1977.

## Perhubungan ukm

BIL: 90

KDN: 10171

15 AUG 77

### PERHIMPUNAN AGONG KE 6 PMUKM

Perhimpunan Agong ke 6 Persatuan Mahasiswa UKM telah berlangsung pada 17hb. Julai, 1977 bertempat di Dewan Kuliah G, Jalan Pantai Bharu.

Perhimpunan ini yang bertujuan memperkenalkan Exco-MPP baru 1977/78 di samping membentangkan laporan tahunan telah dirasmikan oleh Naib Canselor, Y.B. Tan Sri Dr. Anwar Mahmud.

Naib Canselor dalam ucapannya telah menyatakan rasa puashati dengan kesedaran dan penglibatan diri mahasiswa/wi dalam hal-hal persatuan dan kebajikan pelajar. Katanya, "Pelajar pelajar UKM adalah di antaranya yang teraktif dan senantiasia sibuk dengan projek-projeknya". Di samping mempersembahkan laporan tahunan, beliau juga mengingatkan janglah sehingga me-

lupakan tujuan asal untuk belajar dan mengumpul pengetahuan sebanyak yang boleh di Universiti.

Naib Canselor juga menyeru agar pihak PMUKM dan mahasiswa/wi sentiasa berhubung rapat dengan pihak Pentadbiran, samada dengan Bahagian Pentadbiran ataupun dengan mahaguru-mahaguru dan juga dengan bahagian-bahagian lain.

### N.C. RESMIKAN PERTADI

Persatuan Pegawai-pegawai Tadbir dan Iktisad atau ringkasnya PERTADI, UKM telah diresmikan penubuhannya oleh Y.B. Tan Sri Dr. Anwar bin Mahmud, Naib Canselor, UKM 15hb. Ogos, 1977. Majlis itu diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan UKM, iaitu Timbalan Naib Canselor, Pendaftar Bendahari dan Ketua Pustakawan.

Naib Canselor dalam ucapannya telah mengulangi harapan PERTADI akan dapat memainkan perananannya untuk mendatangkan sikap berkeseluruhan dan bersefahaman dan bekerjasama dan bersefahaman dan mencapai tujuan semua golongan di bungan di antara semua golongan di Universiti. Beliau juga menegaskan PERTADI akan dapat menjadi satu daya penggerak ke arah mengujikan pentadbiran yang lebih cekap dan bertanggung jawab meningkatkan lagi imej Universiti. Beliau menekankan dengan PERTADI ini pegawai-pegawai Tadbir dan Iktisad akan dapat pula memainkan peranan untuk kemajuan Universiti.

Dengan PERTADI juga pegawai-pegawai Universiti boleh mengadakan penglibatan yang menyeluruh dengan ahli keluarga UKM yang lain. Y. B. Tan Sri Naib Canselor juga menyeru pegawai-pegawai Tadbir dan Iktisad supaya membuktikan keyakinan dan keteguhan dan kecekapan mereka menjalankan tugas. Terdahulu daripada itu, Pengerusi I/K Penaja PERTADI, Encik Baha-

rudin bin Hj Alang Ishak, telah juga bercakap. Beliau menyatakan PERTADI ditubuhkan adalah atas kesedaran yang timbul di kalangan pegawai-pegawai pentadbiran dan Iktisad di Universiti ini, tentang perlunya pula mereka mengada satu persatuan sendiri; selain dari PERKAM untuk kakitangan am dan PKAUKM bagi kakitangan akademik. Encik Baharuddin menegaskan selama ini kalangan pe-



Ucapan Perasmian dari Naib Canselor



Para pendaki sedang mengibarkan bendera UKM.



Proses Pembinaan Bangunan di UKM




Pandangan dari udara Kampus di Bangi pada 27hb. Julai 1976.




Dewan Canselor Tun Abdul Razak UKM



Majlis Konvokesyen ke-4 UKM, 19 Jun 1976 di Dewan Bankuasi, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur



Rekaan Jata UKM



# AKTIVITI PERTADI 2023



**9 Mac 2023**  
**PERBINCANGAN EXCO TERTINGGI PERTADI BERSAMA KUMPULAN PEGAWAI SAINS (K-SAINS)**  
Anjuran: KUMPULAN PEGAWAI SAINS (K-SAINS)  
Tempat: Bilik Mesyuarat Al-Shafie, Bahagian Sumber Manusia, Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Kedua, UKM Bangi  
1. JK Tertinggi PERTADI & Exco PERTADI Sesi 2021-2023  
2. JK Tertinggi K-Sains & Exco K-Sains Sesi 2023-2025

1

**19 Jun 2023**  
**JERAYAWARA KUMPULAN PEGAWAI SAINS (K-SAINS) & PERTADI UKM BIL. 1/2023**  
Anjuran: Kumpulan Pegawai Sains (K-Sains), UKM Auditorium, Tempat: Akademi Siber Teknopolis (AST), UKM Bangi  
1. Exco Jaringan K-Sains  
2. Pegawai Sains UKM (Institut & Pusat Perkhidmatan), UKM Bangi

3

**21-25 Jun 2023**  
**VOLUNTEERISM CORPORATE RESPONSIBILITY II (VCORE II)**  
Anjuran: 1. Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UNIMAP (POTENSI)  
2. Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
Tempat: 1. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Malaysia  
2. Satun Thailand  
1. Naib Presiden PERTADI  
2. Penolong Setiausaha PERTADI

5

**24 Julai 2023**  
**Mesyuarat Exco PERTADI Sesi 2023-2025 Bil. 1/2023**  
Anjuran: Exco PERTADI Sesi 2023-2025  
Tempat: Bilik Mesyuarat Al-Shafie, Bahagian Sumber Manusia, Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Kedua, UKM Bangi  
Exco PERTADI Sesi 2023-2025

7

**6 September 2023**  
**MAJLIS LIBAT URUS SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**  
Anjuran: 1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KPT  
Tempat: Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.  
1. Presiden PERTADI  
2. Naib Presiden II PERTADI  
3. Ketua Exco Teknologi Maklumat & ICT  
4. Ahli Pertadi

9

**21-23 September 2023**  
**PROGRAM PERMUKIMAN MASTI 2023 BERTEMPAT DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**  
Bengkel Hala Tuju MASTI Sesi 2023/2025, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif MASTI Kali Ke-44 Bil. 3/2023 dan Bengkel Khas Konvensyen Pentadbir Universiti Awam 2024  
Anjuran: 1. Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
2. Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS)  
Tempat: Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
1. Bendahari Kehormat  
2. Ketua Exco Logistik & Teknikal

11

**9 Jun 2023**  
**MALAM GALA DINNER PERTADI**  
Anjuran: 1. Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM  
2. Jabatan Pendaftar, UKM  
Tempat: Bangi Resort Hotel

2

**21 Jun 2023**  
**MESYUARAT AGUNG MASTI KALI KE-11**  
Anjuran: Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
Tempat: UNIMAP  
Semua Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia

4

**21-25 Jun 2023**  
**INTERNATIONAL SEMINAR ON UNIVERSITY MANAGEMENT III (ISUM 3)**  
Anjuran: 1. Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UNIMAP (POTENSI)  
2. Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
Tempat: 1. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Malaysia  
2. Satun Thailand  
1. Naib Presiden PERTADI  
2. Penolong Setiausaha PERTADI

6

**11 Ogos 2023**  
**MAJLIS SERAHAN TUGAS PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PERTADI) UKM**  
Anjuran: Exco PERTADI UKM Sesi 2023-2025  
Tempat: Red Card Café, Bandar Baru Bangi  
1. Presiden & Exco PERTADI 2023-2025  
2. Exco PERTADI 2021-2023

8

**14 September 2023**  
**SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK "TOP EXECUTIVE PROGRAMME"**  
Anjuran: 1. Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM  
2. Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM (Penganjur Bersama)  
Tempat: Auditorium Akademia Siber Teknopolis (AST) UKM  
1. Presiden PERTADI Sesi 2023-2025 (Penyampai)  
2. Ahli PERTADI

10

**21-23 September 2023**  
**PROGRAM PERMUKIMAN MASTI 2023**  
Program Pengukuhan Bakat Kesukanan MASTI - SUKMAS I '23  
Anjuran: 1. Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
2. Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS)  
Tempat: Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
1. Bendahari Kehormat  
2. Ketua Exco Logistik & Teknikal

12

**21-23 September 2023**  
**PROGRAM PERMUKIMAN MASTI 2023 BERTEMPAT DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**  
Program Pengukuhan Bakat Kepimpinan dan Kesukarelawanan MASTI (VCORE-10)  
Anjuran: 1. Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI)  
2. Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS)  
Tempat: Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
1. Bendahari Kehormat  
2. Ketua Exco Logistik & Teknikal

13

**6-8 Oktober 2023**  
**PROGRAM KOMUNITI KELAS RIMBA BATEK POS CHANGKUNG SUNGAI KENIAM TAMAN NEGARA PAHANG**  
Anjuran: 1. Fakulti Sains & Teknologi (Penganjur Utama)  
2. Yayasan Food Bank Malaysia (Penganjur Utama)  
3. Kumpulan Pegawai Sains (K-Sains), UKM (Penganjur Bersama)  
4. PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTISAS (PERTADI), UKM (Penganjur Bersama)  
Tempat: Pos Changkung, Sungai Keniam, Taman Negara Pahang  
10 peserta terawal (AHLI PERTADI)

15

**11 Oktober 2023**  
**Mesyuarat Exco Penerbitan PERTADI Sesi 2023-2025 Bil. 1/2023**  
Anjuran: Exco Penerbitan PERTADI  
Tempat: Aplikasi Webex  
Exco Penerbitan PERTADI

17

**18 Disember 2023**  
**Bengkel Hala Tuju PERTADI Sesi 2023-2025**  
Anjuran: Exco PERTADI Sesi 2023-2025  
Tempat: Bangi Resort Hotel  
Exco PERTADI Sesi 2023-2025

19

**3 Oktober 2023**  
**SESI PERTEMUAN BERSAMA WAKIL PERSATUAN PEGAWAI TADBIR UPSI**  
Anjuran: PERSATUAN PEGAWAI TADBIR UPSI  
Tempat: Bilik Mesyuarat Al-Shafie, Bahagian Sumber Manusia, Aras 1, Pusat Pengurusan Akademik, Lingkungan Kedua, UKM  
1. Exco Pertadi Sesi 2023-2025  
2. Persatuan Pegawai Tadbir UPSI (PRESTASI)

14

**28 Oktober 2023**  
**PROGRAM GOTONG ROYONG BLUEPRINT KEBERSIHAN BUKIT BINTANG 'JOM BERSIH BUKIT BINTANG 20' LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR (LA21KL)**  
Anjuran: 1. Jawatankuasa Kerja Persekitaran Bukit Bintang Local Agenda 21 Kuala Lumpur  
2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)  
3. Alam Flora Malaysia  
Tempat: Plaza Low Yat Boulevard, Bukit Bintang Central, Kuala Lumpur  
1. Ketua Exco Sukan & Rekreasi  
2. 11 Peserta Ahli PERTADI

16

**13 Disember 2023**  
**Bengkel Penyediaan Buletin ILHAM PERTADI 2023**  
Anjuran: Exco Penerbitan PERTADI  
Tempat: Siber, Perpustakaan Tun Seri Lanang  
Exco Penerbitan PERTADI

18

# ALBUM AKTIVITI PERTADI 2023



**MAJLIS LIBAT URUS SISTEM SARAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**  
 anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KPT, Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 6 September 2023

**LAWATAN PENANDAARASAN PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN IKHTISAS (PRESTASI) UPSI**  
 anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRESTASI) UPSI di Bilik Mesyuarat Al-Shafie, Bahagian Sumber Manusia, Aras 1, Bangunan Perpustakaan Lingkungan Kedua, UKM, 3 Oktober 2023



**SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK "TOP EXECUTIVE PROGRAMME"**  
 anjuran Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM dan Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI) UKM, di Auditorium Akademia Siber Teknopolis (AST) UKM, 15 September 2023




**PROGRAM KOMUNITI KELAS RIMBA BATEQ POS CHANGKUNG SUNGAI KENIAM TAMAN NEGARA PAHANG**  
 anjuran Fakulti Sains & Teknologi, Yayasan Food Bank Malaysia, Kumpulan Pegawai Sains (K-Sains) UKM, Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), 6-8 Oktober 2023



**PROGRAM GOTONG ROYONG BLUEPRINT KEBERSIHAN BUKIT BINTANG 'JOM BERSIH BUKIT BINTANG 20' LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR (LA21KL)**  
 anjuran Jawatankuasa Kerja Persekitaran Bukit Bintang Local Agenda 21 Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Alam Flora Malaysia, 28 Oktober 2023



**PROGRAM PERMUKIMAN MASTI 2023 DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**  
 anjuran Majlis Persatuan Universiti Awam Malaysia (MASTI), Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 21-23 September 2023



**BENGKEL PENYEDIAAN BULETIN ILHAM PERTADI 2023**  
 anjuran Exco PERTADI UKM Sesi 2023-2025 di Siber, Perpustakaan Tun Seri Lanang, 13 Disember 2023

# Kelas Rimba Bateq

oleh:



**NORLI @ AHMAD JUSOH**  
Pegawai Kewangan  
HCTM, UKM



Kuala Keniam yang terletak dalam Taman Negara Pahang merupakan salah satu destinasi popular bagi kaki pancing. Terdapat beberapa lubuk memancing sepanjang Sungai Keniam dan antara spesies ikan yang menjadi buruan di sana adalah kelah, sebarau, toman dan lain-lain. Kuala Keniam boleh dimasuki dengan menggunakan bot dan jarak perjalanan adalah lebih kurang 45 minit dari jeti Kampung Pagi, iaitu salah sebuah kampung tradisional yang terletak di tepi Sungai Tembeling.

Pos Cangkung yang terletak di tepi Sungai Keniam merupakan salah satu perkampungan orang asli suku Bateq, iaitu suku nomad yang mendiami Taman Negara Pahang dan Kelantan sejak sekian lama. Terdapat lebih kurang 30 keluarga suku Bateq yang mendiami perkampungan ini. Rumah-rumah dibina secara tradisional menggunakan kayu dan buluh serta beratapkan daun bertam. Suku Bateq merupakan orang asli dari puak Negrito yang terdapat di Pahang dan Kelantan berjumlah lebih kurang 1,500 orang. Suku Bateq mempunyai bahasa tersendiri dan memegang kepercayaan animisme.

Di Pos Cangkung, suku Bateq sudah terdedah dengan budaya luar seperti cara berpakaian, penggunaan alat elektronik, solar dan telefon walaupun liputan talian telefon tiada di perkampungan berkenaan. Anak-anak mereka juga ada yang dihantar bersekolah di Kampung Pagi sudah pandai membaca dan menulis. Kaum dewasa ada juga yang bekerja sebagai jurubot dan jurupandu pelancong tetapi pekerjaan tradisi mereka adalah mencari kayu gaharu dan damar di dalam hutan. Suku Bateq bergantung kepada sungai untuk mendapatkan sumber protein.

Kelas Rimba Bateq merupakan inisiatif Yayasan Food Bank Malaysia untuk memberikan pendidikan asas 3M (membaca, menulis dan mengira) kepada anak-anak orang asli di Pos Cangkung sebagai persediaan ke sekolah aliran perdana. Selain 3M, anak-anak orang asli juga diajar mengenai aspek kebersihan dan kesihatan bagi memupuk gaya hidup sihat.

Pada 6-8 Oktober 2023, Fakulti Sains & Teknologi, UKM dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir

& Ikhtisas UKM telah berpeluang untuk menjayakan Kelas Rimba Bateq Siri ke-39. Lebih kurang 30 orang sukarelawan telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pensyarah, pegawai sains, pegawai perubatan dan lain-lain.

Program ini telah membuka mata para peserta tentang kehidupan Suku Bateq yang agak unik dan tradisional serta agak ketinggalan dari arus perdana. Berdasarkan pemerhatian penulis, anak-anak Bateq agak pandai, rajin dan bersikap terbuka untuk menerima budaya dan pendedahan luar walaupun serba kekurangan dari segi kemudahan. Tok Batin kampung berkenaan juga agak berfikir terbuka dan menggalakkan anak-anak kampung untuk menghadiri kelas rimba dan juga bersekolah di Kampung Pagi, iaitu sekolah yang paling dekat dengan kampung berkenaan.

Kelas Rimba yang diadakan di dewan yang telah didirikan oleh Yayasan Food Bank Malaysia dan dibahagikan kepada 3 kumpulan. Kumpulan 1 dan 2 adalah bagi pelajar yang telah pandai membaca, menulis dan mengira. Kebanyakan mereka adalah pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Kampung Pagi. Kumpulan 3 pula kebanyakannya adalah pelajar tadika atau yang baru belajar menulis dan membaca. Walaupun masih kecil, anak-anak Bateq ini agak rajin dan komited menghadiri kelas yang diaturnya, bermula dari pagi hingga ke malam.

Selain aktiviti di dalam kelas, sukarelawan telah juga mengadakan aktiviti sampingan seperti kebersihan diri, teknik mencuci tangan, menggosok gigi, riadah, karaoke dan lawatan ke kampung bagi menyantuni warga dewasa. Sumbangan barang makanan dan pakaian telah juga diberikan kepada penduduk selain menyediakan pelbagai hadiah kepada para pelajar.

Program kelas rimba ini amat menyeronokkan walaupun merupakan sumbangan yang tidak seberapa oleh UKM kepada Suku Bateq. Program ini diharap dapat diteruskan lagi pada masa akan datang demi kebajikan dan masa depan anak-anak suku Bateq yang kini telah mula menerima cara hidup baru, iaitu menetap, tidak lagi menjalani kehidupan nomad dan mempunyai pekerjaan yang lebih lestari selain mencari hasil hutan.



## Masa



Putaran masamu dan masaku adalah sama  
Bukan kerana masa itu yang perlu diuruskan  
Namun, uruskan fokusmu agar masa tidak tersia-sia  
Kendalikan emosimu agar tidak terbawa-bawa  
Sehingga masa berlalu tanpa manfaat  
Tingkatkan tenagamu untuk luangkan masa menjadi berkualiti  
Perlu kita sedari bahawa masa yang berlalu tetap berlalu  
Tiada *rewind* dan *forward*  
Mahupun *pause*  
Teladani masamu

oleh:  
**Sherin Sokmum**  
Pegawai Pemulihan Perubatan  
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM



# PROGRAM PEMANTAPAN PEGAWAI TADBIR UKM

oleh:



**TUAN HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM

UKM berhasrat memperkukuh dan memperkasa peranan Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran universiti, terutamanya dalam kalangan Ketua Pentadbiran melalui Inisiatif Kemajuan Kerjaya Pakar Bidang Khusus/Subject Matter Expert (SME). Ini juga dapat memastikan kelangsungan pemindahan kemahiran/kepakaran secara sistematik dan efektif dalam kalangan pegawai di bawah pelan penggantian dan pembangunan bakat di Universiti.

UKM mempunyai pelan pembangunan bakat dan pembinaan kapasiti yang baik untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran, tahap profesionalisme dan kecemerlangan kakitangannya. YBhg. Dato' Naib Canselor UKM menyarankan agar pihak Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar memandang serius keperluan untuk sentiasa memberikan latihan terbaik kepada pegawai Pengurusan & Profesional. UKM memperkasakan kecemerlangan bakat selaras dengan Lonjakan 2, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi).

Program Pemantapan Ketua Pentadbiran telah diadakan pada 19–21 Mei 2023 bertempat di Mudzaffar Hotel, Ayer Keroh, Melaka anjuran Unit Perkembangan Kerjaya (UPK), Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar. Program ini adalah inisiatif YBhg. Dato' Pendaftar UKM yang berhasrat melahirkan pakar bidang dalam kalangan Ketua Pentadbiran, di samping memperkasa peranan pegawai P&P dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran universiti. Hasrat ini juga adalah selaras dengan salah satu fokus YBhg. Dato' Naib Canselor UKM bagi melakar kemaraan UKM, iaitu melalui peningkatan kecemerlangan staf UKM.

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM telah membangunkan 14 siri modul merangkumi kepakaran yang diperlukan sebagai

Ketua Pentadbiran. Setiap Ketua Pentadbiran perlu mengikut dan melengkapkan keseluruhan modul ini bagi melayakkan pegawai P&P untuk menerima pensijilan yang akan dianugerahkan semasa Konvensyen Pegawai Tadbir UKM.

Pegawai P&P perlu mempamerkan pengetahuan tentang prinsip, rangka kerja dan aplikasinya serta implementasi tadbir urus yang efisien dalam melaksanakan tugas di samping sentiasa berpengetahuan terkini dan memahami peraturan yang mempengaruhi tadbir urus (polisi, undang-undang, peraturan dan pekeliling).

PERTADI UKM mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada UPK, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM kerana telah berjaya menganjurkan enam siri modul berkaitan kepakaran yang diperlukan oleh Ketua Pentadbiran.

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM telah membangunkan 14 siri modul merangkumi kepakaran yang diperlukan sebagai Ketua Pentadbiran. Setiap Ketua Pentadbiran perlu mengikut dan melengkapkan keseluruhan modul ini bagi melayakkan pegawai P&P untuk menerima pensijilan yang akan dianugerahkan semasa Konvensyen Pegawai Tadbir UKM.

Pegawai P&P perlu mempamerkan pengetahuan tentang prinsip, rangka kerja dan aplikasinya serta implementasi tadbir urus yang efisien dalam melaksanakan tugas di samping sentiasa berpengetahuan terkini dan memahami peraturan yang mempengaruhi tadbir urus (polisi, undang-undang, peraturan dan pekeliling).

PERTADI UKM mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada UPK, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM kerana telah berjaya menganjurkan enam siri modul berkaitan kepakaran yang diperlukan oleh Ketua Pentadbiran.

The posters are arranged in a 2x3 grid. Each poster has a background image of hands clasped together. The text on each poster is as follows:

- Poster 1 (Top Left):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. 19 - 21 Mei 2023 | Jumaat - Ahad. Mudzaffar Hotel, Melaka. Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.
- Poster 2 (Top Middle):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. SIRI 1: PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PERKHIDMATAN & PERSARAAN). 15 - 16 Jun 2023 | Khamis - Jumaat. Bilik Bankuasi, Aras 2, Bangunan Canselori. Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.
- Poster 3 (Top Right):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. SIRI 2: PENGURUSAN KOMUNIKASI KORPORAT. 6 Julai 2023 | Khamis. Auditorium Akademia Siber Teknopolis. Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.
- Poster 4 (Bottom Left):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. SIRI 3: PENGURUSAN PENTADBIRAN DAN KEMUDAHAN. 12 - 13 Julai 2023 | Rabu - Khamis. Bilik Bankuasi, Aras 2, Bangunan Canselori. Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.
- Poster 5 (Bottom Middle):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. SIRI 5: PENGURUSAN PRASARANA & PENYELENGGARAAN. 21 September 2023 | Khamis. Auditorium Akademia Siber Teknopolis (AST). Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.
- Poster 6 (Bottom Right):** Program Pemantapan PEGAWAI TADBIR. SIRI 6: PENGURUSAN KUALITI & INOVASI. 5-6 Oktober 2023 | Khamis - Jumaat. Auditorium Akademia Siber Teknopolis (AST). Anjuran: Jabatan Pendaftar UKM.

*Legasi*

Bekerja bukan hanya menunggu tarikh luput  
Sibuk menghitung umur persaraan  
Bekerjalah untuk meninggalkan legasi termasyhur  
Supaya bila nanti anda tidak perlu bekerja  
Kerja-kerja anda menjadi sebutan, ikutan  
dan sumber inspirasi

oleh:  
**Sherin Sokmum**  
Pegawai Pemulihan Perubatan  
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM

# MAJLIS PENGHARGAAN DAN SERAH TUGAS

## Exco Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM (PERTADI)

oleh:



**TUAN HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM



**ChM. ATIAH AYUNNI ABDUL GHANI**  
Pegawai Sains Kanan  
Pusat Kajian Toksikologi dan Risiko Kesihatan,  
Fakulti Sains Kesihatan, UKM

Majlis Penghargaan dan Serah Tugas Exco PERTADI UKM Sesi 2021–2023 kepada exco Sesi 2023–2025 telah diadakan di Restoran Red Card Cafe, Bandar Baru Bangi pada 11 Ogos 2023. Majlis ini dihadiri oleh 10 daripada 17 orang Exco PERTADI UKM Sesi 2021–2023 dan 17 daripada 18 orang Exco Sesi 2023–2025. Exco PERTADI UKM Sesi 2023–2025 telah dipilih hasil daripada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTADI), UKM 2023 yang telah diadakan pada 16 Mei 2023.

Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan Exco PERTADI UKM Sesi 2021–2023 terdahulu dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan bagi menggerakkan aktiviti yang selaras dengan matlamat penubuhan PERTADI UKM, iaitu (1) mencapai persefahaman, kerjasama, kesejahteraan ahli menerusi kegiatan-kegiatan persatuan; (2) menegak dan mengukuhkan prinsip pengurusan yang cekap, adil dan demokratik; (3) mengada dan menjalinkan hubungan dengan lain-lain badan yang sesuai dengan tugas dan matlamat persatuan; dan (4) memajukan bidang pentadbiran dan lain-lain bidang yang dapat meninggikan lagi imej universiti.

Dalam majlis ini, Presiden PERTADI UKM Sesi 2023–2025 Tn. Hj. Zanudin Mohd. Daud mengucapkan ribuan terima kasih kepada exco terdahulu atas khidmat sumbangan dan berharap agar Exco PERTADI UKM yang baru dilantik dapat mengekalkan prestasi dan memberi kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada PERTADI UKM dalam memantapkan staf Pengurusan & Profesional ke arah yang lebih cemerlang dalam menyokong ekosistem 7P (Pengajaran, Penyelidikan, Penulisan, Perundingan dan Pengkomersialan, Perkhidmatan, Penyeliaan serta Perkhidmatan Profesional) bagi memacu kecemerlangan UKM secara berterusan.

Sepanjang Sesi 2021–2023, terdapat banyak kejayaan dan aktiviti yang telah dianjurkan seperti Program Kebajikan dan Kemasyarakatan, Sumbangan Anak Cemerlang, Ikhlas Dari PERTADI (IDP), Bengkel

Perancangan Strategik dan Pembentukan Nilai PERTADI, Kad Hari Lahir, Penerbitan Buletin ILHAM, Program Latihan dan Pembangunan Ilmu, Jamuan Hari Raya, Majlis Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam dan pelbagai aktiviti yang dianjurkan. PERTADI juga berjaya menarik ahli-ahli baharu melalui penganjuran program dan aktiviti sepanjang tahun.


Kejayaan yang paling besar adalah penganjuran Malam Gala UKM yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar UKM dengan kerjasama PERTADI. Malam Gala UKM ini merupakan majlis yang julung-julung kalinya diadakan sebagai tanda penghargaan kepada staf P&P yang menjadi tunjang kepada kecemerlangan Universiti Watan ini.

Kejayaan demi kejayaan berjaya dilakar melalui penganjuran aktiviti dan program berimpak oleh Barisan Exco PERTADI Sesi 2021–2023, tidak dinafikan banyak aktiviti menyantuni ahli yang ditimpa musibah melalui penyampaian sumbangan IDP, dan semua itu wajar kita banggakan. Saya juga yakin akan ada lagi perancangan dan pelaksanaan oleh Exco baharu demi memberi manfaat ahli PERTADI.

Semoga majlis ini akan menjadi jalinan silaturahim dan tautan kasih antara barisan Exco baharu dengan mantan Exco Sesi 2021–2023. Di akhir majlis, Presiden PERTADI UKM turut menyerahkan sijil penghargaan dan cenderamata kenangan kepada semua Exco yang terbabit sepanjang Sesi 2021–2023.



Presiden PERTADI UKM Sesi 2023–2025 menyampaikan ucapan penghargaan kepada exco terdahulu dan amanat untuk exco yang baru dilantik



Burung kedidi disambar helang,  
Bawa naik ke pohon tinggi;  
Budi baik mana nak hilang,  
Sudah mesra di dalam hati.



Gabungan Exco PERTADI Sesi 2021–2023 dan Sesi 2023–2025



Malam Gala UKM bertemakan "Pentadbir Cemerlang, Universiti Gemilang" yang dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar UKM dengan kerjasama PERTADI pada 9 Jun 2023 di Grand Ballroom, Bangi Resort Hotel. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jafar, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi

# LAWATAN PENANDAARASAN KE NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE

oleh:



**TUAN HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM

Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI UKM) dan juga Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM telah mengikuti delegasi Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam Malaysia (JKSMUA) ke Pejabat Sumber Manusia (OHR) NUS bagi mengikuti program latihan dan bimbingan Strategi Sumber Manusia (HR) di NUS pada 25 Ogos 2023.

Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran baharu dalam bidang pengurusan sumber manusia. Pengalaman dan hasil pembelajaran menerusi lawatan penandaarasan ini berguna untuk menambah baik atau merombak amalan sedia ada melalui pembelajaran amalan terbaik dan pendedahan kepada rakan peserta mengenai kejayaan NUS dalam melaksanakan dan menyelesaikan isu yang serupa dengan UA di Malaysia.

Sesi perkongsian oleh *Chief People Officer* NUS, Dr. Janson Yap memberikan gambaran keseluruhan persekitaran kerja semasa dan masa depan kerja serta budaya kerja dalam NUS, berlatarbelakangkan trend masyarakat dan amalan terbaik HR yang berkembang di seluruh dunia. Menekankan kepentingan kerjasama dan perkongsian, Dr. Yap berkata, "Proposisi nilai pekerja kami adalah untuk membolehkan bakat kami berada pada tahap terbaik untuk melakukan kerja terbaik mereka. Kenyataan budaya kerja kami adalah untuk memupuk budaya kerja yang menarik. Oleh itu, perkongsian amalan terbaik dan pembelajaran antara satu sama lain di seluruh komuniti bakat serantau adalah sangat penting. Ini penting semasa kita menavigasi cara kita melalui masa depan kerja."

Selepas itu, beberapa pegawai kanan daripada OHR turut menghuraikan pelbagai aspek dan amalan HR di NUS, seperti cara universiti menguruskan pembangunan profesional dan bakat untuk kakitangan serta rangka kerja HR yang sedang diamalkan. Melalui

dasar dan strategi HR ini, NUS telah dapat mewujudkan persekitaran kerja positif dan inklusif yang memupuk pertumbuhan dan inovasi.

Topik-topik ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai amalan terbaik di NUS, konsep dan amalan yang boleh disesuaikan serta dilaksanakan ke dalam amalan HR universiti masing-masing. Peserta juga berpeluang menjalin rangkaian kerjasama strategik dengan kakitangan NUS OHR melalui amalan terbaik dan pengalaman peribadi serta bertukar



Sesi perkongsian oleh Dr. Janson Yap selaku *Chief People Officer* NUS



pandangan semasa sesi minum petang sebelum memulakan sesi seterusnya.

Pihak NUS telah menonjolkan kepentingan inovasi dan amalan HR yang cemerlang. Interaksi JKSMUA dengan NUS memberikan peluang unik untuk meneroka strategi pengurusan HR dalam konteks penubuhan pendidikan yang berprestij.



Tuan Haji Zanudin Mohd Daud selaku Presiden PERTADI UKM, telah mengikuti Delegasi Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam Malaysia (JKSMUA) ke Pejabat Sumber Manusia (OHR) NUS

“**Keputusan inovasi dan amalan HR yang cemerlang. Interaksi JKSMUA dengan NUS memberikan peluang unik untuk meneroka strategi pengurusan HR dalam konteks penubuhan pendidikan yang berprestij.**”

# Pantun Akal Budi

oleh:



**MOHAMAD SALLEH SULIEMAN**  
Penolong Pendaftar Kanan  
Sekretariat Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat, Fakulti Perubatan, UKM

Hendak memburu rusa merah,  
Sebelum berburu siapkan diri;  
Andai terlalu menurut amarah,  
Hilang pekerti sahabat pun lari.

Tenang-tenang tasik biru,  
Jangan disangka tiada buaya;  
Hidup jangan cari seteru,  
Adab sopan jadikan budaya.

Kain sutera kain batik,  
Lepas jemur elok dilipat;  
Tiada guna berwajah cantik,  
Jika mulut suka mengumpat.

Pagi-pagi minum teh tarik;  
Anak kucing di atas riba;  
Apa guna berwajah cantik,  
Jika suka mengadu domba.

Pohon bidara daunnya lebat,  
Tumbuh indah di tengah laman;  
Kalau tuan berasa hebat;  
Segera kembali ke pangkal jalan.

# KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

oleh:



**TUAN HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM

Majlis Libat Urus Sistem Saraaan Perkhidmatan Awam (SSPA) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diadakan pada 6 September 2023 di Dewan Za'ba, KPT. Presiden dan Exco PERTADI UKM telah menghadiri majlis tersebut. YAB Perdana Menteri ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2023 pada 1 Mei 2023 yang lalu ada menyebut berkenaan dengan keperluan untuk menambah baik Sistem Saraaan Perkhidmatan Awam atau SSPA oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kehadiran 250 orang yang terdiri daripada pelbagai wakil Kesatuan Universiti Awam, Kesatuan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT), Wakil Hospital Pengajar, Politeknik dan Kolej Komuniti serta pihak berkepentingan lain yang mewakili skim-skim perkhidmatan di bawah KPT turut bersama-sama memberikan input, cadangan dan pandangan untuk menambah baik SSPA.

Tiga skop kajian oleh pihak JPA, iaitu perjawatan dan organisasi yang akan menyentuh perkara-perkara seperti struktur perkhidmatan dan skim perkhidmatan;

gaji dan elaun yang menumpukan kepada struktur gaji, elaun-elaun dan juga kemudahan; serta pengurusan bakat yang meliputi perkara-perkara seperti prestasi dan kompetensi, kemajuan kerjaya, ganjaran dan juga isu-isu tata tertib dan penamatan perkhidmatan.

Jawatankuasa Kerja Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan (Klasifikasi Pendidikan) melalui sekretariatnya, iaitu Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), KPT telah mengesyorkan sebanyak 46 cadangan inisiatif yang merangkumi 19 elemen atau aspek untuk ditambah baik. Sebanyak 16 daripada 46 cadangan inisiatif telah dikemukakan kepada pihak JPA melalui sesi libat urus Kluster Pendidikan pada 1 Ogos 2023 yang lalu. KPT menyerahkan kepada kepakaran dan kebijaksanaan JPA seterusnya untuk mempertimbangkan dan mencerakinkan cadangan-cadangan yang telah diusulkan.

Pihak KPT mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang hadir ke majlis libat urus khususnya kepada wakil-wakil Kesatuan UA, Kesatuan PPPT, Wakil HPU, Politeknik dan Kolej Komuniti serta wakil dari JPA.



# PEMUKIMAN MAJLIS PERSATUAN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM MALAYSIA (MASTI) 2023 – Duyung Marina Resort Kuala Terengganu

oleh:



**AMIRI MUSTAFFA**  
Pegawai Kewangan  
Jabatan Bendahari UKM



**MOHAMAD SHAHRIL HUSSAIN**  
Jurutera  
Jabatan Pembangunan  
Prasarana UKM



MASTI dengan kerjasama Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas (PERENTAS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya mengadakan Permukiman MASTI 2023 di Terengganu pada 21–23 September 2023. PERTADI UKM telah diwakili oleh Mohd Amiri Mustaffa, Bendahari Kehormat dan Mohamad Shahril Hussain, Exco Teknikal & Logistik.

## A. Bengkel Hala Tuju Masti Sesi 2023/2025 Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Masti Kali Ke-44 Bil 3/2023 Bengkel Khas Konvensyen Pentadbir Universiti Awam 2024

Pada 21 September 2023 telah diadakan ketiga-tiga aktiviti di atas untuk membincangkan hala tuju MASTI, pengumuman 100 hari kepimpinan baharu, perbincangan portfolio dan bidang tugas setiap sekretariat yang dilantik serta bengkel khas konvensyen pentadbir UA 2024. Antara agenda hala tuju MASTI 2023/2025 adalah:

1. Penjenamaan baharu nama jawatan JKE MASTI
2. Penjenamaan baharu keanggotaan JKE MASTI dengan pengukuhan portfolio dan bidang tugas
3. Penjenamaan baharu imej korporat MASTI melalui baju korporat baharu dan baju batik baharu
4. Memperkenalkan konsep Bridging dalam JKE MASTI
5. Memperkenalkan Nombor Keahlian MASTI dan Sijil
6. Mewujudkan penarafan Bintang Persatuan Pentadbir
7. Menyambung program sedia ada MASTI dengan penambahbaikan yang lebih praktikal
8. Mewujud dan memperkasakan group media sosial bagi Ahli MASTI-Whatsapp dan Telegram
9. Tagline baharu – SEPAKAT MEMBAWA BERKAT
10. Merangka Pelan Strategik MASTI –10 tahun
11. Program Sambutan Jubli Perak (25 tahun) MASTI–2026
12. Menyebarluaskan program Jerayawara MASTI–UA
13. Memperkenalkan Sukan MASTI–SUKMAS
14. Mewujudkan Peti Cadangan *Online* MASTI
15. Pembahagian Ketua Skim di kalangan JKE MASTI
16. Mewujudkan Jawatankuasa Bertindak Khas Kebangsaan: MASTI–CUEPACS–GAKUM–NUTP
17. Memperkenalkan dengan lebih banyak anugerah-anugerah dalam MASTI seperti Anugerah Khas Presiden MASTI, Anugerah Maal Hijrah MASTI, Anugerah Pekerja MASTI dan sebagainya
18. Persatuan Pentadbir UA dan UA digalakkan mewujudkan dan menyampaikan anugerah kepada MASTI
19. Berusaha untuk mendapatkan sebanyak mungkin anugerah dan pengiktirafan untuk MASTI
20. Penambahbaikan ke atas Pengurusan Slot Mesyuarat JKE MASTI
21. Program sambutan 100 Hari Presiden MASTI








## B. PROGRAM PENGUKUHAN BAKAT KESUKANAN MASTI-SUKMAS I 2023


Program pengukuhan bakat kesukanan MASTI-SUKMAS I 2023 telah diadakan pada 22 September 2023. Di dalam program ini, buat kali pertama dalam sejarah penubuhan 22 tahun MASTI, MASTI telah berjaya menganjurkan Sukan MASTI atau nama singkatannya SUKMAS bersempena Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam 2023. SUKMAS Tenpin Bowling kategori berpasukan dan individu dan SUKMAS Kapal Layar telah dipilih di peringkat awal ini bertujuan mengeratkan hubungan antara Pentadbir seluruh Universiti Awam dan memperkukuh semangat berpasukan MASTI. Lebih menggembirakan buat PERTADI UKM telah mencapai Naib Johan bagi acara SUKMAS Tenpin Bowling Individu Lelaki yang diwakili Mohamad Shahril Hussain.

Berikut adalah keputusan rasmi bagi tiga kategori acara Tenpin Bowling SUKMAS:




### ACARA BERPASUKAN (3 LELAKI & 1 WANITA)

- 
**Johan (Pingat Emas)**  
 Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMK (PERTISA)
- 
**Naib Johan (Pingat Perak)**  
 Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas UTHM (PENTAS)
- 
**Tempat Ketiga (Pingat Gangsa Bersama)**  
 Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA (PENGEMUDI) dan Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas UMT (PERENTAS)

### ACARA INDIVIDU (TERBAIK LELAKI)

- 
**Johan (Pingat Emas)**  
 Hasbullah Ismail: Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA (PENGEMUDI)
- 
**Naib Johan (Pingat Perak)**  
 Mohamad Shahril Hussain: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UKM (PERTADI)
- 
**Tempat Ketiga (Pingat Gangsa Bersama)**  
 Mansor Che Din @ Noordin: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMK (PERTISA) dan Mohd Nazree Abu Bakar: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMK (PERTISA)

### ACARA INDIVIDU (TERBAIK WANITA)

- 
**Johan (Pingat Emas)**  
 Siti Suhaila Mohd Nawwi: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UMK (PERTISA)
- 
**Naib Johan (Pingat Perak)**  
 Saliza Samad: Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas UTHM (PENTAS)
- 
**Tempat Ketiga (Pingat Gangsa Bersama)**  
 Suzanah Sengoot: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UPNM (PERINTIS) dan Syeamarsyeta Ahmad: Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UNIMAP (POTENSI)



Layari gambar penuh program di sini:

#### 1. SUKMAS'23 Tenpin Bowling



<https://www.facebook.com/media/set/?set=a.860755662512667&type=3>

#### 2. SUKMAS'23 Kapal Layar



<https://www.facebook.com/media/set/?set=a.861697062418527&type=3>



### C. PROGRAM PENGUKUHAN BAKAT DAN KEPIMPINAN DAN KESUKARELAWANAN MASTI (VCORE-10)

Program ini telah diadakan pada 23 September 2023 bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan Eksplorasi Alam Pulau Redang melalui program anak angkat dan pelepasan anak penyu. Seramai 25 orang yang mewakili setiap persatuan telah menyertai program ini. Pada jam 8.30 pagi, kami telah bertolak ke Stesen Penyelidikan Penyu UMT, Chagar Hutang, Pulau Redang. Semasa berada di situ, kami telah diberi taklimat berkaitan Program Konservasi Penyu di Terengganu oleh seorang pegawai penyelidik. Kami juga diberi penerangan ringkas berkaitan habitat penyu yang dijaga dengan penuh rapi dan diberi pengalaman yang sukar untuk dilupakan, iaitu pelepasan anak-anak penyu di tepi pantai Pulau Redang. Di samping pengalaman yang menakjubkan, kami dapat mengeratkan silaturrahim dengan ahli persatuan yang lain.



## AKTIVITI PERTADI

# HALA TUJU BAHARU

## PERSATUAN-PERSATUAN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM (MASTI) SESI 2023-2025

oleh:



**AMIRI MUSTAFFA**  
Pegawai Kewangan  
Jabatan Bendahari UKM



**MOHAMAD SHAHRIL HUSSAIN**  
Jurutera  
Jabatan Pembangunan  
Prasarana UKM

PERTADI UKM mengucapkan tahniah kepada Encik Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab yang telah dilantik sebagai Presiden MASTI Sesi 2023–2025. Hala tuju baharu telah diutarakan sempena Program Pemukiman MASTI 2023 pada 23 September 2023 di Duyung Marina & Resort Terengganu. Beliau merupakan Presiden Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERENTAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Presiden MASTI telah membentangkan Hala Tuju MASTI 2023/2025 meliputi penjenamaan baharu nama-nama Jawatankuasa Eksekutif MASTI, penjenamaan baharu keanggotaan JKE MASTI dengan pengukuhan portfolio dan bidang tugas, imej baju korporat MASTI baharu, baju batik dan sebagainya untuk meningkatkan penampilan barisan pemimpin MASTI. Salah satu usaha baharu juga memperkenalkan nombor keahlian MASTI dan sijil kepada ahli MASTI. Hal ini dilaksanakan memandangkan keahlian sebelum ini mengikut persatuan di universiti awam (UA) masing-masing.

MASTI akan menyambut Jubli Perak, iaitu Sambutan 25 Tahun Penubuhan MASTI pada tahun 2026 dan jawatankuasa sambutan akan ditubuhkan bagi perancangan dan persiapan sambutan tersebut. Kejohanan Sukan MASTI atau SUKMAS diperkenalkan sebagai salah satu usaha menyokong program kecergasan dan gaya hidup sihat dalam kalangan pentadbir UA. Pengiktirafan kepada pentadbir UA akan diteruskan melalui anugerah-anugerah dalam MASTI seperti Anugerah Khas Presiden MASTI, Anugerah Maal Hijrah MASTI dan Anugerah Pekerja MASTI dan sebagainya.

Sebagai satu lagi usaha untuk memperkukuhkan jaringan dan kerjasama strategik berkaitan penambahbaikan skim perkhidmatan, MASTI akan mewujudkan Jawatankuasa Bertindak Khas Kebangsaan yang keahliannya terdiri daripada MASTI-CUEPACS-GAKUM-NUTP dan lain-lain persatuan/ kesatuan yang akan dikenal pasti nanti.

PERTADI UKM menyambut baik hala tuju baharu MASTI 2023–2025 dan cadangan mewujudkan Pelan Strategik MASTI 10 tahun bagi memastikan agenda kebajikan dan laluan kerjaya Pengurusan & Profesional (P&P) dapat dilaksanakan dengan jayanya.



# UKM-USIM

## Jalinkan Kerjasama atas Platform Perkhidmatan Sains



**MOHD. HANAFY GAUSMIAN**  
oleh Ketua Pegawai Sains  
Fakulti Sains dan Teknologi, UKM

Kunjungan Kumpulan Pegawai Sains (K-Sains) UKM semasa sesi Perkongsian Ilmu bersama Pegawai Sains Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berlangsung pada 20 Oktober 2023 bertempat di Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kunjungan ini bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama pada masa hadapan dalam kalangan Pegawai Sains Universiti Awam, sambil berkongsi pengalaman dan kepakaran profesion Pegawai Sains di kedua-dua institusi.

Dalam kunjungan ini, exco K-Sains turut dibawa melawat ke makmal-makmal penyelidikan dan pengajaran terdekat yang berada di lingkungan bangunan Fakulti Perubatan dan Kesihatan. Lawatan ini adalah anjuran Exco Jaringan K-Sains yang diketuai oleh Encik Mohd. Hanafy Gausmian dan ChM. Atiah Ayunni Abdul Ghani. Ketua delegasi adalah Pengerusi K-Sains, iaitu Ts. Dr. Idris Zulkiflre dan Ketua Skim Perkhidmatan Sains (Skim C), iaitu Cik Lily Khairiah Kadaruddin, serta exco-exco tertinggi K-Sains. Jumlah delegasi UKM adalah seramai sembilan orang Pegawai Sains dari pelbagai fakulti dan Institut di UKM dan sembilan orang Pegawai Sains dari USIM yang merangkumi hampir keseluruhan kekuatan pegawai sains di sana.

Kehadiran K-Sains ke USIM bukan hanya untuk memperkukuhkan hubungan di antara kedua-dua universiti, tetapi juga untuk memahami lebih mendalam tentang potensi kerjasama dalam bidang sains dan penyelidikan. Sesi perkongsian ilmu yang dijalankan turut memberi peluang kepada Pegawai Sains dari kedua-dua pihak untuk bertukar pandangan, menyemai idea baharu dan mencipta ruang bagi kolaborasi yang lebih kukuh pada masa depan. Antara yang disarankan adalah kursus profesional yang membawa nilai pemberat dan nilai tambah kepada profesion Pegawai Sains itu sendiri. Siji profesional keselamatan yang boleh diguna sama oleh Universiti Awam, dilihat boleh



Pihak USIM dan UKM sama-sama memberikan taklimat berkaitan organisasi masing-masing

dibangunkan dan dijalankan dengan kerjasama UKM dan USIM terlebih dahulu. Selain itu, kursus kepakaran lain boleh dibina secara bersama dengan pembiayaan dan pengiktirafan oleh kedua-dua institusi.

Antara aspek yang diberi tumpuan dalam sesi perkongsian ilmu adalah penekanan kepada penyelidikan dan inovasi terkini dalam bidang perubatan dan sains kesihatan. Pegawai Sains dari K-Sains dan USIM berkongsi hasil penyelidikan terkini, pencapaian dalam projek-projek penyelidikan dan cabaran/peluang dalam dunia sains kontemporari. Selain itu, dalam usaha memperluaskan horizon kerjasama, exco K-Sains dan Pegawai Sains USIM telah menjelajahi potensi kerjasama dalam penyelidikan bersama, pertukaran tenaga pengajar dan peluang pendidikan bersama. Keaktifan dalam menjalankan kerjasama ini diharapkan dapat membawa impak positif kepada kemajuan sains dan pengetahuan di peringkat universiti dan lebih jauh lagi di peringkat kebangsaan.



Delegasi K-Sains dibawa melawat ke Makmal Pengajaran & Penyelidikan di Fakulti Perubatan & Kesihatan, USIM

Lawatan ke makmal-makmal penyelidikan dan pengajaran adalah langkah yang strategik, memberi peluang kepada wakil-wakil K-Sains untuk melihat secara langsung infrastruktur penyelidikan dan pengajaran di USIM. Ini merangkumi peralatan terkini, teknologi canggih, dan kemudahan-kemudahan yang memungkinkan pelaksanaan penyelidikan yang berkesan. Sesi dialog yang berlaku semasa lawatan ini membolehkan pertukaran pandangan dan pengalaman, serta merangsang potensi kerjasama dalam projek-projek penyelidikan masa depan.

Dalam konteks ini, Pengerusi K-Sains, Ts. Dr. Idris Zulkiflre menyatakan bahawa kunjungan ini adalah langkah positif ke arah pengukuhan kerjasama antara institusi sains Malaysia. Beliau menyatakan, "Kita harus terus bersinergi dan berkolaborasi dalam penyelidikan dan perkembangan sains. Hanya dengan perkongsian ilmu dan usaha bersama, kita boleh mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi."

Pada akhir kunjungan, satu memorandum persefahaman (MoU) dicadangkan untuk ditandatangani antara K-Sains dengan USIM. MoU ini merangkumi bidang-bidang kerjasama yang telah dibincangkan sepanjang lawatan, termasuk pertukaran tenaga kerja pegawai dan perkhidmatan Skim C, penyelidikan bersama, serta pemindahan teknologi dan pengetahuan. MoU ini bukan hanya secarik kertas, tetapi satu komitmen sejati untuk menjalin kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua entiti. Dengan adanya MoU ini, diharapkan kerjasama antara K-Sains dan USIM akan menjadi lebih sistematik dan memberi manfaat yang lebih besar kepada kedua-dua pihak menerusi penetapan hala tuju dan jeda masa untuk pelaksanaan aktiviti yang digariskan di dalam MoU itu nanti.

Seterusnya, dalam satu majlis jamuan yang diatur

**“ Kita harus terus bersinergi dan berkolaborasi dalam penyelidikan dan perkembangan sains. Hanya dengan perkongsian ilmu dan usaha bersama, kita boleh mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.”**

Ts. Dr. Idris Zulkiflre  
Pengerusi K-Sains, UKM

sempena akhir kunjungan, para wakil dari K-Sains dan USIM berpeluang untuk berinteraksi secara lebih santai. Majlis jamuan ini bukan hanya sebagai penutup kepada sesi perkongsian ilmu, tetapi juga sebagai platform untuk mempererat lagi hubungan sosial di antara Pegawai Sains dari kedua-dua institusi. Dalam ucapan penutup, Pengerusi K-Sains, Ts. Dr. Idris Zulkiflre menyatakan kesyukuran atas kerjasama yang telah terbina dan berharap agar hubungan ini terus berkembang. Beliau mengajak semua pihak untuk sentiasa terbuka kepada idea-idea baharu, inovasi, dan peluang kerjasama yang boleh memajukan sains dan teknologi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kunjungan K-Sains ke USIM bukan hanya membawa pulang pengalaman yang berharga, tetapi juga membuka pintu kepada peluang kerjasama yang lebih luas dalam bidang sains dan penyelidikan. Dengan adanya perkongsian ilmu dan semangat kerjasama yang tinggi, diharapkan Malaysia dapat terus bersinar dalam arena sains global. Justeru, K-Sains merayu kepada semua pihak untuk terus menggalakkan dan menyokong usaha-usaha seperti ini demi pembangunan sains dan teknologi negara. Dengan bersatu tenaga dan berkolaborasi, kita dapat mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang sains seterusnya memberi impak positif kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya.



Delegasi K-Sains dibawa melawat ke Makmal Pengajaran & Penyelidikan di Fakulti Perubatan & Kesihatan, USIM



# Kepentingan Menyerlahkan Identiti Profesional Golongan P&P bagi Kekal Relevan dalam Hegemoni Keilmuan



**DR. HUSYAIRI HARUNARASHID**

oleh:

Pegawai Perubatan UD54(LK)  
Jabatan Perubatan Kecemasan  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), UKM


Siapa sangka lumrah kerjaya seorang profesional bukan akademik di Universiti Watan ini sentiasa dibelenggu krisis eksistensial bermusim. Ini disebabkan setiap langkah ke hadapan yang diambil dan setiap kejayaan dikecapi tidak semestinya disahut dengan pujian, malah kadang-kadang dipersoalkan maknanya kepada organisasi. Bukanlah pangkat dan status yang dikejar, tetapi hanyalah peluang untuk membangunkan potensi diri untuk merasa kepuasan bekerja dan menikmati kejayaan dengan menjadikan diri ini yang sebaik mungkin. Namun begitu, kewujudan seakan-akan sebatang anak pokok yang cuba membesar di dalam teduhan pohon-pohon gergasi tinggi datang dengan pelbagai cabaran yang sekali-sekala menyebabkan diri menimbang semula – patutkah diri kerdil ini terus menghabiskan baki kerjaya di sini dengan keraguan sama ada potensi diri dapat direalisasikan sepenuhnya di penghujung perkhidmatan?

Memang kalau diikutkan hati, sudah lama kita membawa diri ke tempat lain. Namun atas pelbagai sebab dan alasan, kita masih tetap berada di sini untuk terus menabur bakti demi maruah diri, janji terdahulu dan semangat kental enggan mengaku kalah serta setia sebagai warga Universiti Watan. Maka, kita perlulah melakukan sesuatu secara proaktif agar tidak ketinggalan dan sentiasa kekal relevan, biar pun selalu diperlekehkan kebolehan dan dipinggirkan dalam arus perdana. Salah satu dimensi kompetensi fungsional yang penting bagi semua lapisan profesional bukan akademik adalah keterserlahan profesional (profesional visibility). Keterserlahan profesional adalah pengiktirafan bermakna atas kebolehan teknikal dan sumbangan kepada organisasi dan juga dalam gelembung-gelembung pengaruh berkaitan serta dilibatkan dalam proses membuat keputusan yang penting dalam organisasi. Hal ini tidak terhad kepada

keterserlahan di tempat kerja (workplace visibility) sahaja, tetapi dikembangkan kepada potensi individu untuk memberi impak kepada masyarakat setempat dan mempengaruhi naratif semasa. Fokus yang lebih luas dan melepasi sempadan tradisional tempat kerja mengurangkan pengaruh politik dalaman mengaburi usaha-usaha murni individu untuk mengetengahkan kemampuan, reputasi dan daya kepimpinan diri di pentas arus perdana.

Memberi fokus kepada keterserlahan profesional ini bukanlah untuk tujuan menunjuk-nunjuk atau sekadar menaikkan populariti diri untuk kepentingan sendiri. Ia merupakan usaha mengetengahkan kredibiliti teknikal dan potensi kepimpinan secara strategik bagi meningkatkan pengaruh dalam organisasi. Jadi bagaimanakah hendak meningkatkan keterserlahan profesional tanpa dilihat seperti membanggakan diri atau membesar-besarkan peranan diri dengan terlampau? Keterserlahan profesional sentiasa berada dalam keadaan dinamik dan berubah-ubah, yang perlu diurus dengan strategik agar status diri sebagai profesional berwibawa sentiasa dipelihara. Secara praktikalnya, keterserlahan profesional berhasrat untuk mengetengahkan keaslian watak (character authenticity), meningkatkan keupayaan teknikal dalam bidang profesional khusus (professional credibility) dan mengukuhkan legitimasi peranan dalam organisasi (role legitimacy). Model piramid keterserlahan profesional ini bolehlah digunakan sebagai landasan perancangan pembangunan kerjaya bermakna seorang profesional bukan akademik dalam landskap ekosistem keilmuan universiti awam.

Senario hegemoni keilmuan yang dominan menghasilkan pelbagai halangan dan sekatan dalam perkembangan kerjaya profesion yang bukan di dalam skim akademik. Sekiranya sasaran diletakkan semata-mata ke arah kenaikan pangkat dan gred, dikhuatiri diri



akan cepat terasa hampa dan kecewa yang mendalam sehingga menyuraikan semangat kekuatan dalaman. Adalah lebih baik untuk menggunakan sasaran ideal yang melangkaui kepentingan diri, supaya sandaran moral yang kukuh dan stabil dapat diwujudkan dalam menyusuri pahit getir pembangunan kerjaya. Sebarang kejayaan ke arah mencapai sasaran syumul ini akan melahirkan kesan sampingan berguna (spillover effect) seperti membuka peluang kepada peranan-peranan bermakna dalam organisasi, penglibatan dalam membuat keputusan atau sekurang-kurangnya dapat menyampaikan input yang diambil kira oleh pengurusan. Fenomena USUS (you say you suffer) sudah tidak lagi menjadi masalah dan digeruni kerana

kesukaran dan tanggungjawab berat yang diterima kerana berani berkata dan mengutarakan cadangan membina memang sedia diterima atas niat untuk mengubah keadaan kepada yang lebih baik.

Ada yang beranggapan sudah memadai jika diri sebagai profesional hanya fokus untuk menambah baik kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing kerana ini sajalah jalan untuk diiktiraf oleh pengurusan dan rakan sekerja. Namun begitu, jika tidak dilakukan dengan berhati-hati, seseorang profesional itu boleh tersilap dan hanya menawarkan diri untuk dipergunakan bagi manfaat melonjakkan kerjaya orang lain dengan menggunakan kepakaran yang susah payah diperkembangkan. Peningkatan keupayaan teknikal ini mestilah digandingkan dengan meluncurkan penampilan kewibawaan profesional secara meluas dan melebihi perhatian lingkungan rakan-rakan sekerja di peringkat organisasi setempat. Ini termasuk mengasah bakat dalam penulisan popular dan juga komunikasi sains, selain daripada penulisan ilmiah. Setiap individu profesional juga haruslah arif dalam penggunaan teknologi maklumat terkini termasuk peranti dan saluran media sosial semasa. Penghasilan kandungan (content generation) yang menarik dan berkualiti juga perlu menjadi sebahagian daripada kemahiran asas, selain daripada kemahiran teknikal berkaitan disiplin tersendiri.

Hakikat sebenar kehidupan dalam sesuatu hegemoni memerlukan kefahaman secara mendalam dan kesedaran mengenai kedudukan diri dalam hierarki sosial persekitaran pekerjaan supaya tidak terperangkap dalam konstruk sosial yang mampu menjadi penghalang kepada perkembangan profesional yang optimum. Tidak ada gunanya hanya berdiam diri dan menerima sahaja layanan yang diri sendiri tidak suka, malah tidak sanggup untuk terima. Mulakan perjalanan untuk mengubah nasib sendiri dan rakan-rakan senasib bagi melahirkan ekosistem ilmu dan perkhidmatan pengajian tinggi awam yang adil buat semua, terbuka, dinamik dan inklusif.

“...jika tidak dilakukan dengan berhati-hati, seseorang profesional itu boleh tersilap dan hanya menawarkan diri untuk dipergunakan bagi manfaat melonjakkan kerjaya orang lain dengan menggunakan kepakaran yang susah payah diperkembangkan.”

# Mendepani Era Pengurusan KEWANGAN UA melalui Cabaran 3D: Digital, Dana dan Data

oleh:



ZUL AZRI HASSAN



MOHD AKBAL QAMAS  
ABDUL BASIR



MOHAMAD SYAIFUDDIN  
ADAM IDRIS



JASMIN JASMI



ABDUL MUIZ SHEAFIE

**Konsep Kaizen** adalah falsafah penambahbaikan berterusan dari Jepun dan telah mengubah landskap organisasi di seluruh dunia. Ia mementingkan usaha untuk mencari cara yang lebih baik dalam setiap aspek kehidupan dan pengurusan. **Konsep Kaizen** diaplikasikan sebagai penambahbaikan berterusan dalam **Jabatan Bendahari, UKM**, dengan tumpuan pada **tiga komponen utama, iaitu digital, dana, dan data**. Perubahan ke arah kebaikan yang minimum, mampu memberikan impak yang maksimum.

## Digital

Mendepani arus kemodenan kini memaksa manusia untuk terus beradaptasi dengan kemajuan teknologi dan pendigitalan. Istilah kepintaran buatan (artificial intelligence) merupakan makanan ruji baharu dalam kehidupan seharian. Pendigitalan dalam urusan kewangan membolehkan setiap urusan kewangan yang selama ini diuruskan oleh manusia, diambil alih tugasnya oleh teknologi pendigitalan. Bagi memperkuat hujahan ini, kajian yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (2022) menunjukkan bahawa 84% daripada firma kewangan telah pun mengadaptasikan AI di dalam pembuatan keputusan harian. Hal ini menunjukkan bahawa teknologi dan digital boleh dimanfaatkan bagi menjadikan pengurusan kewangan lebih efisien dan optimum. Manusia yang tidak memanfaatkan kemajuan teknologi dalam kehidupan seharian akan ketinggalan. Namun, kita perlu faham bahawa teknologi tidak sesekali akan menggantikan manusia tetapi ia akan memudahkan urusan, memendekkan proses kerja, mengurangkan birokrasi dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi semasa melibatkan AI dalam pengurusan kewangan ini mempunyai risiko tertentu melibatkan pengesahan model terutamanya jika model tidak ditentu ukur dengan baik atau digunakan secara tidak wajar pastinya akan menimbulkan masalah dan mendatangkan mudarat yang lebih besar.

## Dana

Pengurusan dana merupakan aspek penting dalam kejayaan setiap organisasi tanpa mengambilkira sejauh mana kemodenan teknologi dicapai. Pengurusan dana yang cemerlang membolehkan sesebuah organisasi beroperasi dengan baik dan menjamin kecukupan sumber yang berterusan bagi menampung operasi. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk menguruskan sumber dana dengan cekap memberikan kesan buruk seperti yang terjadi kepada syarikat dalam pasaran saham. Syarikat-syarikat yang telah pun tersenarai keluar di bawah PN17 dan GN3 sering menghadapi krisis kewangan akibat kegagalan pengurusan dana organisasi. Hal ini selalunya memaksa organisasi untuk menjual aset untuk membiayai hutang mereka seterusnya menyebabkan perniagaan tersebut tidak lagi berdaya saing.

Saban hari, isu kenaikan kos dalam kehidupan seharian semakin meruncing. Dengan keadaan ekonomi semasa, setiap organisasi perlu bersedia untuk menangani kenaikan kos dengan mengambil pelbagai inisiatif yang berkesan. UKM perlu memastikan pengurusan kewangan berada pada tahap yang baik bagi memastikan kemampuan kewangan. Bagi menangani isu tersebut, kemajuan teknologi perlulah dimanfaatkan sebaiknya agar pengurusan sumber berada di tahap yang paling optimum. Dengan berbuat demikian, UKM akan dapat



## Data

menikmati ekonomi bidangan dan menghasilkan output terbaik pada kos yang lebih efisien. Meskipun teknologi tidak menggantikan peranan manusia, ia dapat memudahkan proses, mengurangkan birokrasi, dan mempercepat pengurusan dana. Konsep Kaizen@ Bendahari mendorong usaha terus dalam peningkatan ini, dan dalam penulisan ini, kita akan menjelajahi aspek ini serta peranan teknologi dalam meningkatkan pengurusan dana yang mampan.

Pengenaan sekatan terhadap geran kerajaan menjadi cabaran yang perlu ditempuhi oleh UKM dengan sebaiknya. Jumlah penerimaan geran yang tidak tetap memaksa UKM untuk sentiasa bersiaga dalam memastikan operasi dan pentadbiran berjalan dengan lancar. Bagi mengatasi masalah ini, penyediaan bajet yang komprehensif dengan asas yang baik merupakan strategi yang berkesan bagi mendepani masalah ini agar sebarang ketidakcukupan berada dalam kawalan dan ditampung oleh sumber-sumber lain. Sekiranya perkara ini diberikan perhatian sewajarnya, kelestarian kewangan di UKM dapat dikekalkan pada tahap yang paling optimum.

Jabatan Bendahari bukan sahaja menguruskan proses operasi rutin seperti perolehan, bayaran dan hasil, tetapi juga pada masa yang sama berkeperluan untuk menyediakan pelbagai data kepada pihak-pihak yang berkepentingan sama ada dalam atau luar UKM seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), entiti-entiti di dalam UKM dan sebagainya.

Terdapat dua isu yang ingin dibincangkan, iaitu pertama melibatkan ketidakseragaman atau konflik maklumat dan kedua melibatkan keefisienan penghantaran data. Setiap data yang dibekalkan mempunyai risiko yang tersendiri dan ia pasti berbeza untuk setiap keperluan seperti ranking dan pelaporan prestasi. Implikasinya, berlakulah manipulasi data secara meluas dan berterusan yang boleh menyebabkan pendedahan terhadap risiko ketidakpatuhan. Isu kedua yang dikaitkan dengan kepantasan menyediakan maklumat atau laporan yang diperlukan sangat berkait rapat dengan infrastruktur, fasiliti dan teknologi semasa yang diguna pakai dalam usaha mengeluarkan data-data yang diperlukan.

# Ancaman Virus kepada Tumbuhan

oleh:



**TS. MOHD FAIZ MAT SAAD**  
Pegawai Penyelidik  
Institut Biologi Sistem (INBIOSIS), UKM

Sejak berlakunya krisis pandemik COVID-19 pada penghujung tahun 2019, kesedaran tentang ancaman virus mula menjadi topik perbincangan masyarakat. Orang ramai mula cakna tentang kewujudan dan impak makhluk 'halimunan' yang mampu melumpuhkan ekonomi dan sosial di seluruh dunia.

Virus tumbuhan juga mampu memberikan impak yang sama kepada tumbuhan jika tidak dikawal dan diselia seterusnya melumpuhkan sektor perladangan dan komoditi. Seperti yang terjadi di Fiji, Australia, Sri Lanka dan Malaysia dalam dekad yang lepas, virus *Banana Bunchy Top Virus* telah mengurangkan sekitar 70–90% penghasilan pisang di negara-negara pengeluar buah ini.

Virus tumbuhan pertama kali ditemui dan dikaji pada penghujung abad ke-19 oleh penyelidik dari Belanda dan Rusia yang pada ketika itu mengkaji penyebab penyakit misteri yang menjangkiti pokok tembakau yang seterusnya diberikan nama *Tobacco Mosaic Virus*. Semenjak itu, bilangan virus tumbuhan yang ditemui terus meningkat dengan ketara. Dianggarkan sehingga kini, 4,000 jenis virus telah

dikenal pasti dan 1,000 daripadanya ialah virus tumbuhan.

Jarang sekali bagi virus untuk membunuh tumbuhan, namun demikian jangkitan virus yang terjadi kepada tumbuhan memberikan impak negatif dengan menunjukkan pelbagai simptom. Antaranya seperti perubahan warna, erotan pada daun, pucuk, batang dan bunga serta pengurangan kekuatan fizikal daun dan juga hasil tanaman. Dengan kaedah kawalan yang terhad, jangkitan virus pada tumbuhan sering mendatangkan masalah kepada pemilik tanaman yang berskala besar dan tanaman persendirian.

Penyebaran virus tumbuhan menjadi semakin berganda dengan perkembangan sektor perdagangan pelbagai spesies tanaman dan kultivar secara tidak langsung meningkatkan lagi kewujudan baru pelbagai virus tumbuhan. Penyebaran virus tumbuhan sering terjadi daripada satu tanaman kepada tanaman yang lain melalui pembiakan vegetatif, atau proses semula jadi melalui serangga dan haiwan yang hinggap pada tanaman yang telah dijangkiti dan menyebarkan kepada tanaman lain.



Perbezaan daun bunga raya yang dijangkiti virus (kiri) dengan daun bunga raya yang sihat (kanan)



Daun bunga raya yang dijangkiti virus (kiri) dengan daun yang sihat (kanan) pada pokok bunga raya

Walaupun kebanyakan virus yang menjangkiti tumbuhan mendatangkan kesan negatif, namun terdapat juga virus yang mendatangkan kesan yang menarik kepada perumah dengan memberikan corak-corak yang unik kepada daun dan bunga tumbuhan yang dijangkiti. Malah ada sesetengah virus yang sengaja dijangkiti oleh pembiak hiasan tanaman untuk meningkatkan nilai estetika tanaman yang secara tidak langsung meningkatkan nilai komersial tanaman tersebut. Antara contoh tanaman yang estetikanya meningkat selepas dijangkiti virus adalah bunga tulip daun pokok buluh jepun yang keduanya mempunyai corak tidak sekata yang unik pada permukaan tersebut.



**Malah ada sesetengah virus yang sengaja dijangkiti oleh pembiak hiasan tanaman untuk meningkatkan nilai estetika tanaman yang secara tidak langsung meningkatkan nilai komersial tanaman tersebut."**



Virus yang menjangkiti bunga tulip (kiri) dan bunga geranium (kanan) meningkatkan nilai estetikanya

Menuju ke hadapan, kesedaran tentang virus tumbuhan perlu lebih digiatkan. Masyarakat perlu disedarkan dengan ancaman dan keunikan virus tumbuhan supaya kita lebih menghargai kurniaan Tuhan kepada bumi Malaysia ini. Sebagai salah satu dari 12 negara yang mempunyai kepelbagaian biodiversiti tertinggi di dunia, kita pastinya mempunyai kelebihan yang perlu dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik untuk mengkaji ancaman dan keunikan virus tumbuhan yang terdapat di bumi bertuah ini.

Kajian tentang virus tumbuhan merupakan salah satu kajian yang dijalankan di Institut Biologi Sistem (INBIOSIS). Sebagai sebuah institut penyelidikan seumpamanya di Malaysia, INBIOSIS menerajui dan menjalankan penyelidikan inovatif dalam bidang biologi sistem di negara ini. Tumpuan utama penyelidikan adalah untuk menerokai penemuan biologi dan penghasilan produk yang memberi impak kepada masyarakat menerusi pendekatan pelbagai bidang.



Eksplorasi di peringkat molekul dalam kepelbagaian biologi dan kelestarian tropika bagi penemuan gen dan biomolekul baharu dilakukan di INBIOSIS

# CHRA : Memperkasakan Keselamatan Bahan Kimia dan Peningkatan Kompetensi Kakitangan

oleh:



**ChM. ATIAH AYUNNI ABDUL GHANI**  
Pegawai Sains Kanan  
Pusat Kajian Toksikologi dan Risiko Kesehatan, Fakulti Sains Kesehatan, UKM



**MOHAMAD MAHATHIR AMIR SULTAN**  
Pegawai Penyelidik Kanan  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM



**ChM. SHARIFAH NURAIN SYED NASIR**  
Pegawai Sains Kanan  
Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), UKM

Keselamatan dan kesihatan tempat kerja adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian di dalam sesebuah organisasi bagi menjamin kesejahteraan para pekerja. Hal ini bertujuan memastikan pekerja yang bertugas terhindar daripada sebarang insiden kemalangan atau masalah kesihatan yang berpunca daripada aktiviti tugas mereka untuk tempoh masa jangka pendek atau panjang. Penggunaan dan pendedahan bahan kimia di dalam proses kerja merupakan antara elemen terpenting untuk dipantau memandangkan terdapat pelbagai kesan mudarat yang boleh dihadapi sekiranya bahan kimia yang digunakan di tempat kerja tidak diuruskan dengan betul.

Dalam usaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja yang terdedah kepada bahan kimia, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia telah mewajibkan proses Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan atau lebih dikenali sebagai *Chemical Health Risk Assessment (CHRA)* melalui perundangan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 atau lebih dikenali dengan Peraturan USECHH 2000, di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Di bawah Peraturan USECHH 2000, majikan dikehendaki mengenal pasti dan mendaftar semua bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang digunakan di tempat kerja dan merekodkan dalam daftar yang dikenali sebagai Daftar Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan. Selain itu, majikan juga perlu menjalankan penaksiran bertulis bagi setiap risiko kepada kesihatan yang terhasil daripada penggunaan, pengendalian, penyimpanan atau pengangkutan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan USECHH 2000. Penilaian CHRA hanya boleh dilaksanakan oleh Orang Yang Kompeten (OYK) yang dikenali juga sebagai Pengapit CHRA. Individu yang kompeten perlu melalui satu program latihan kompetensi bersijil yang ditawarkan oleh pihak Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) dan lulus mengikut syarat yang ditetapkan.

Mengiktiraf kepentingan penilaian CHRA dan penggunaan bahan kimia di tempat kerja, pihak pengurusan UKM telah mengambil tindakan proaktif bagi menambah bilangan kakitangan yang kompeten dan bertauliah sebagai OYK bagi memastikan proses CHRA dapat dijalankan secara berkala. Sehingga kini, terdapat dua orang kakitangan Pengurusan & Profesional (P&P) yang telah berjaya lulus kursus CHRA ini dan menjadi OYK bagi Pengapit CHRA, iaitu Encik Andri Dauni, Pegawai Sains Kanan, Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI) dan ChM. Noor Jannah Awang, Pegawai Sains Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang telah berdaftar di bawah JKKP Malaysia.

Justeru, sekumpulan 20 kakitangan UKM telah dipilih selepas menjalani tapisan secara dalaman untuk menjadi kumpulan pertama yang menghadiri kursus CHRA. Kumpulan yang terdiri daripada skim perjawatan Pegawai Sains, Pegawai Penyelidik, Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Juruteknologi Makmal Perubatan telah menjalani kursus di NIOSH selama 11 hari bermula 14 hingga 28 Ogos 2023. Antara Pusat Tanggungjawab (PT) yang terlibat ialah Fakulti Sains Kesehatan (FSK), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Perubatan (FPer), Fakulti Farmasi (FFar), Fakulti Pergigian (FGG), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), Institut Biologi Sistem (INBIOSIS), Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN) serta Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM).

Sepanjang tempoh ini, peserta telah mempelajari tiga modul utama, iaitu (1) *Module 1: Legislative Requirements For Hazardous Chemicals* yang diajar oleh Prof. Madya Dr. Goh Choo Taa; (2) *Module 2: Control Of Chemical Hazardous To Health* yang diajar oleh Puan Zaiton Sharif; (3) *Module 3: Chemical Health Risk Assessment* yang diajar oleh Dr. Suhaily Amran dan Ts. Nor Mohd Razif Noraini. Peserta telah didedahkan dengan beberapa aspek yang merangkumi; (1) pengenalan bahaya bagi penggunaan bahan kimia berbahaya kepada

kesihatan di tempat kerja; (2) menilai tahap pendedahan pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan; (3) menilai kecukupan langkah kawalan sedia ada; dan (4) mengesyorkan langkah kawalan selanjutnya yang sesuai dan mengutamakan tindakan yang perlu diambil untuk mencegah atau mengurangkan risiko tersebut. Modul-modul ini memberi pendedahan dalam membuat penilaian dan mencadangkan langkah yang terbaik sebagai langkah kawalan yang sesuai, latihan kepada pekerja, keperluan program pemantauan pendedahan dan pengawasan perubahan yang diperlukan untuk melindungi kesihatan pekerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja.

Dalam proses untuk mendapatkan tauliah sebagai seorang OYK bagi Pengapit CHRA yang berdaftar dengan JKKP, peserta kursus seterusnya perlu lulus dalam ujian peperiksaan kertas 1 dan kertas 2 mengikut keperluan yang telah ditetapkan. Peperiksaan kertas 1 melibatkan peperiksaan bertulis berdasarkan ilmu yang telah dipelajari di dalam kursus, manakala Kertas 2 adalah kertas praktikal di mana calon perlu menjalankan dan menyediakan laporan penilaian CHRA bagi suatu tempat kerja yang dipilih. Justeru, satu sesi perkongsian ilmu CHRA telah dianjurkan oleh Kumpulan Pegawai Sains (K-Sains) UKM secara dalam talian pada 14 September 2023 bagi membantu para peserta menghadapi peperiksaan. Sesi perkongsian ini disampaikan oleh dua orang OYK Pengapit CHRA UKM, iaitu Encik Andri Dauni dan ChM. Noor Jannah Awang. Kedua-dua penceramah ini telah berkongsi sedikit sebanyak pengalaman dan tips

serta strategi bagi menjawab soalan peperiksaan CHRA. Perkongsian ini membantu peserta untuk memahami lebih lanjut mengenai struktur dan perjalanan peperiksaan yang akan dilalui.



Tuntasnya, pihak UKM telah mengambil keputusan yang proaktif dan strategik dengan menghantar kakitangan untuk menjalani kursus ini bagi mendapatkan pengiktirafan selaku Pengapit CHRA yang kompeten. Tindakan ini mampu memperkasakan agenda keselamatan dan kesihatan tempat kerja disebabkan lebih ramai kakitangan yang terdedah dengan ilmu dan kepakaran di dalam penilaian risiko bahan kimia di tempat kerja. Keputusan ini juga, memberikan satu kelebihan kepada UKM bagi memenuhi keperluan penilaian CHRA secara berkala dengan mempunyai kepakaran untuk menjalankan penilaian CHRA secara dalaman menggunakan kakitangan sedia ada yang kompeten. Ini juga akan mengurangkan kebergantungan kepada perunding luar di dalam penilaian CHRA yang memerlukan peruntukan kewangan yang besar sehingga mencecah RM200,000 setahun. Selain itu, UKM juga menunjukkan komitmen tinggi di dalam meningkatkan kemahiran kakitangan yang merupakan salah satu nilai TERAS UKM, iaitu Bakat (Talent) dalam mengukuhkan sokongan terhadap naratif Universiti Watan. Ini dibuktikan dengan kemampuan kakitangan memantapkan dan mengembangkan potensi diri ke arah kecemerlangan melalui kursus-kursus kompetensi bersijil yang seterusnya akan meningkatkan keupayaan ekosistem ilmu dan penyelidikan UKM.



Para peserta bergambar bersama kumpulan masing-masing sebelum sesi pembentangan *Work Place Assessment*



20 orang peserta UKM berjaya menamatkan kursus CHRA di NIOSH



Sesi perkongsian ilmu oleh penceramah bersama peserta

# Pusat Inovasi Teknologi Manisan (MANIS): Pemacu Revolusi Makanan Masa Hadapan

oleh:



**PROF. MADYA Ts. DR. LIM SENG JOE**  
Pensyarah DS54  
Pusat Inovasi Teknologi Manisan (MANIS)  
FST, UKM



**ZAINUN NURZAHIM**  
Pegawai Penyelidik Q41  
Pusat Inovasi Teknologi Manisan (MANIS), FST, UKM

Pusat Inovasi Teknologi Manisan (MANIS) atau Innovation Centre for Confectionery Technology telah ditubuhkan secara rasmi pada 7 Oktober 2010 setelah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) BIL. 5/2010. Dengan semangat dan tekad yang jitu, MANIS telah mengorak langkah dengan membawa visi untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang menyumbang kepada keperluan akademik dan industri makanan melalui kepelbagaian inovasi dan kemodenan teknologi terkini. MANIS juga beriltizam untuk menjadi pusat kecemerlangan terpilih dalam bidang makanan dan pemakanan yang menekankan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan bertaraf dunia. Kini, MANIS diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Lim Seng Joe dari Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM. Pengurusan MANIS telah dimantapkan oleh barisan profesional yang terdiri daripada pegawai penyelidik, pengurus, ahli penyelidik dan penyelidik bersekutu yang sangat berdedikasi dalam usaha menjadikan MANIS sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang terunggul di Malaysia.

## Objektif utama MANIS

Sejajar dengan visi dan misi yang telah digariskan, MANIS telah menetapkan beberapa objektif utama seperti berikut:

1. Memfokus kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi makanan untuk menjadi peneraju bidang dalam nic teknologi makanan dalam memperkasa kepakaran dan teknologi terkini.
2. Menjadi pusat kecemerlangan, rundingan dan latihan dalam bidang makanan di peringkat kebangsaan dan serantau.
3. Menjadi pusat rujukan industri dan agensi kerajaan dalam bidang teknologi makanan termasuk pakar rujuk dalam hal-hal polisi, formulasi piawai atau

garis panduan kualiti, hala tuju dan perancangan sumber bahan ingredien makanan atau minuman masa hadapan negara.

4. Membangun dan memperkasakan tenaga kepakaran terlatih yang berwibawa dalam penyelidikan dan pembangunan produk makanan.
5. Menjana kewangan universiti melalui latihan, seminar, kontrak penyelidikan, pembangunan produk dan pengkomersilan teknologi produk makanan hasil output penyelidikan yang dijalankan oleh UKM.

## Aktiviti MANIS

Aktiviti utama yang menjadi tumpuan MANIS adalah pembangunan produk makanan yang inovatif, memberikan perkhidmatan konsultansi kepada penyelidik dan industri makanan, menganjurkan bengkel dan latihan serta menyokong aktiviti penjana. Selain itu, MANIS juga membina rangkaian kerjasama yang luas dengan pelbagai pihak termasuk pengeluar makanan, penyelidik tempatan dan antarabangsa serta pemegang taruh dalam industri makanan.

MANIS telah menyediakan pelbagai platform aktiviti dan kemudahan bagi menyokong matlamat



penubuhannya untuk mengangkat penyelidikan para akademik dan membangun kelestarian dalam industri makanan seperti berikut:



Kursus Fundamentals and Interpretation of LC-MS 2023 pada 29–30 Mei 2023 di Bangi Resort Hotel. Kursus ini telah dihadiri oleh 52 orang peserta termasuk pelajar, penyelidik dan penceramah



Perkhidmatan konsultansi dan jaringan kerjasama di antara MANIS dan G-Foods Trading Co. Ltd., Tokyo Jepun pada Januari dan April 2023



Perkhidmatan caj analisis dan sewaan alat Kromatografi Cecair Berprestasi Tinggi (HPLC), pengering sejuk beku, ultrasonikator dan lain-lain.



Pembangunan produk dan perundingan dengan industri makanan tempatan.

## Pencapaian MANIS

MANIS telah memperoleh pelbagai kejayaan dan pencapaian yang cemerlang sepanjang penubuhannya sebagai pusat kecemerlangan. MANIS telah berjaya mendapat status Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) 2020 dengan dana berjumlah RM 500,000 daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia pada tahun 2021. Di bawah program ini, *Novel Food Resources Consortium* telah ditubuhkan dan diketuai oleh Ketua MANIS, Prof. Madya Ts. Dr. Lim Seng Joe; dan diperkukuh melalui jalinan kolaborasi dengan penyelidik dari *Food and Biomaterial Engineering Research Group (FoBERG)*, UTM; dan *International Fatwa and Halal Centre (IFFAH)*, USIM. Di bawah KKP ini juga, Prof. Madya Ts. Dr. Lim Seng Joe telah menjalani kolaborasi penyelidikan sebagai Profesor Pelawat ke Gifu University, Jepun selama lima minggu (15 Oktober – 18 November 2022), manakala penyelidik bersama, Prof. Ts. Dr. Wan Aida Wan Mustapha dan Ts. Dr. Noorul Syuhada Mohd Razali telah menjalankan sangkutan penyelidikan di Gifu University, Jepun, selama dua minggu (8–20 Mei 2023) di bawah program KKP ini. Selain itu, MANIS juga aktif memperoleh dana industri dalam menjalankan kontrak penyelidikan, yang telah menyumbang

kepada penjana universiti, serta memastikan kejayaan penyelidikan bukan sahaja di makmal, tetapi diaplikasikan dalam dunia nyata.




**Pusat Inovasi Teknologi Manisan (MANIS)**  
Aras 1, Bangunan Makmal Tambahan,  
Fakulti Sains dan Teknologi, UKM  
Tel: 03-8921 4937 e-mel: manis@ukm.edu.my  
www.ukm.my/manis  
www.facebook.com/MANISUKM

TIPS



# Mengatasi Kebuntuan Hidup

oleh:



**SHERIN SOKMUM**  
Pegawai Pemulihan Perubatan  
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan  
Pemulihan Perubatan, HCTM

Pernahkah anda merasa seolah-olah berada di persimpangan jalan yang tidak menentu dalam hidup anda? Tiada jalan keluar di sebelah kiri atau di sebelah kanan, walaupun anda telah berusaha sebaik mungkin, tetapi tetap berasa terperangkap? Anda mungkin menghadapi kebuntuan hidup, di mana impian dan aspirasi anda terasa semakin jauh. Namun, adakah cara untuk menghadapi situasi ini? Jom ikuti lima tips untuk mengatasi kebuntuan hidup yang dialami.



### Step Back: Melihat dari perspektif yang berbeza

1

Ketika menghadapi masalah atau tentangan, adalah penting untuk berhenti sejenak. Apabila kita terlalu fokus pada masalah di hadapan mata, sering kali kita gagal melihat gambaran keseluruhan. Terkadang, kita hanya menangani simptom dan tidak mengatasi punca sebenar masalah. Oleh itu, perhati sekeliling anda; mungkin ada orang lain yang menghadapi masalah yang sama. Berhenti sejenak, lihatlah dari segala sudut pandang. Jangan hanya melihat masalahnya sahaja, tetapi lihatlah secara keseluruhan. Sebagai contoh, seperti seorang doktor yang memeriksa pesakitnya yang mengadu sakit kepala, doktor tidak hanya memfokus kepada bahagian kepala semata-mata, namun mempertimbangkan aspek keseluruhan seperti bagaimana pemakanan pesakit, adakah pesakit cukup rehat, dan jika ada sebarang pengambilan ubat. Demikian juga dalam menangani masalah, kita perlu lihat secara holistik.

2

### Mengenalpasti emosi yang dirasakan

Adalah penting untuk mengenali emosi yang muncul, sama ada rasa marah, sedih, geram, bosan atau perasaan lainnya. Dengan mengenali emosi diri, anda dapat mencari tahu apa yang sebenarnya yang menyebabkan perasaan tidak bahagia atau kebingungan dalam hidup. Setelah mengenal pasti emosi yang dirasakan, kita dapat belajar bagaimana mengendalikannya dengan lebih baik. Ini termasuk teknik-teknik seperti pernafasan, meditasi, 'me time' atau terapi. Tidak perlu menidakkkan emosi yang dirasakan kerana gusar hidup menjadi semakin terumbang-ambing tanpa arah tujuan hanya disebabkan terlalu memendam rasa. Sebagai contoh, jika kita rasa sedih dengan hubungan ibu dan anak yang semakin menjauh, kita perlu akui dahulu rasa sedih itu (membicarakannya bersama anak untuk mengelakkan persepsi buruk) dan seterusnya membantu kita untuk berkomunikasi dengan cara yang lebih efektif; "Ibu sedih dengan hubungan kita yang semakin menjauh. Apa yang ibu boleh buat untuk adik luangkan masa bersama ibu?"

3

### Menganalisis masalah sama ada jangkauan harapan atau motivasi?

Adakah masalah yang dihadapi berkaitan dengan jangkauan harapan (expectation) atau motivasi? Harapan adalah berkaitan dengan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran seseorang, manakala motivasi berkaitan dengan komitmen dan keyakinan diri. Tentukan di mana titik kebuntuan berlaku. Jika ia berkaitan dengan harapan, tingkatkan prestasi dan tunjukkan kemampuan yang lebih tinggi. Berhenti melakukan perkara yang biasa-biasa sahaja; kecapai kehebatan yang luar biasa. Jika ia berkaitan dengan motivasi, carilah sumber sokongan dan semangat yang baharu. Bimbing diri sendiri dengan menetapkan matlamat dan impian yang lebih besar. Sebagai contoh, jika masalah kita adalah sering dimarahi oleh majikan disebabkan tugas yang kita lakukan, adalah penting untuk kita meneliti adakah disebabkan oleh kerja itu tidak menepati piawai/standad yang memungkinkan kita tidak berapakah mahir melaksanakannya. Atau mungkin kita buat hanya sekadar disuruh yang memungkinkan kita tidak menghayati kerja tersebut. Kadang kala ada sebahagian pekerja yang sanggup menuturkan kata-kata, "kalau aku buat kerja lebih-lebih pun, sama sahaja. Akhir bulan masih dapat jumlah gaji yang sama." Justeru, mungkin masalah yang berlaku boleh melibatkan motivasi dalam diri.

## Muhasabah Diri



Mudahnya menilai orang lain  
Kejap-kejap jadi peguam  
Sekejapan ustazah ekspres  
Sekilapan bertukar cikgu  
Ada sahaja kesalahan untuk bahan perdebatan  
Lainnya kita untuk melihat kesalahan dalam diri  
Yang kita tidak ketahui, aib kita sedang dilindungi  
Siapa pun yang dituduh melakukan kesalahan  
Lihat dalam diri  
Adakah itu teguran terhadap diriku?

oleh:

**Sherin Sokmum**  
Pegawai Pemulihan Perubatan  
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM

### Mencari mentor yang sesuai untuk belajar dari mereka yang berjaya

Jangan berasa malu untuk mencari bantuan. Carilah mentor atau guru yang sesuai dan teruskan pembelajaran sendiri. Ketika buntu, janganlah berusaha menyelesaikannya sendiri kerana ini hanya akan mengukuhkan keadaan kebuntuan. Seorang mentor dapat memberikan pandangan dan panduan menerusi pengalaman peribadi mereka seterusnya membantu mengenal pasti tujuan dan memberikan sokongan serta dorongan. Sebelum itu, kita perlu tentukan tujuan mencari mentor, tentukan apa yang ingin dicapai dengan bantuan mentor. Kita perlu kenal pasti orang-orang di dalam dan di luar lingkungan yang memiliki kejayaan atau kebijaksanaan dalam bidang yang diminati. Justeru, kita perlu menunjukkan dedikasi dan kerendahan hati untuk menjadi murid yang baik. Sebagai contoh, jika kita selalu gagal dalam memberikan penyampaian (presentation) yang terbaik, kita boleh mencari mentor "presenter" yang baik, iaitu dengan mengikuti kelas bimbingan yang kini boleh diikuti secara maya.

4

5

### Berkongsi dan membantu orang lain

Ada kalanya memberi sokongan kepada orang lain yang mengalami situasi yang sama atau lebih sukar dapat membantu kita mendapatkan perspektif yang lebih jelas dan rasa lebih bersyukur atas apa yang kita miliki. Selain itu, berbuat baik kepada orang lain dengan memberi sokongan boleh memberi rasa pencapaian dan kepuasan emosi yang dapat meredakan tekanan serta membantu kita keluar dari kebuntuan. Dengan berkongsi pengalaman, memberi bantuan kepada orang lain dan membina hubungan positif dengan komuniti, kita dapat memperluas perspektif kita seterusnya merasakan makna yang lebih mendalam dalam hidup. Sambil membantu orang lain, kita juga dapat membantu diri sendiri mengatasi kebuntuan dan mencapai kebahagiaan yang lebih besar. Seharusnya, kita boleh amalkan untuk menulis "gratitude journal" atau jurnal kesyukuran dalam mengesyukuri nikmat yang dimiliki. Ketika menghadapi kebuntuan hidup, adalah penting untuk mengambil tindakan yang positif dan proaktif. Kita perlu bersikap terbuka dengan menerima cabaran sebagai peluang di mana kebuntuan hidup adalah cabaran yang dapat mengubah pandangan kita tentang dunia dan membawa kita ke arah pertumbuhan diri. Sebagai individu, kita perlu menerima cabaran ini sebagai peluang untuk memperoleh pengalaman baharu dan meningkatkan kualiti diri.



## PUNTING DI SUNGAI CAM CAMBRIDGE UNIVERSITY

oleh:



**TUAN HAJI ZANUDIN MOHD DAUD**  
Presiden  
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PERTADI), UKM

Pengalaman pertama *punting* di Sungai Cam di Cambridge University selepas makan tengah hari di Rutherford's Punting Cambridge. Harga pakej *punting* untuk sembilan orang sebanyak £125. Kami dapat menikmati pemandangan hebat 'backs' Kolej Cambridge yang terkenal di dunia. Sambil mendengar penerangan oleh Mr. John, pemandu pelancong kami, beliau bercerita tentang kisah-kisah penting yang berlaku di Cambridge. Kami menelusuri King's College Chappel, iaitu kolej terlama di Cambridge, taman-taman sekitar Cambridge University dihiasi bangunannya yang klasik serta melalui beberapa buah jambatan sepanjang Sungai Cam. Perjalanan ini akan melalui beberapa buah kolej terkenal seperti Kolej Magdalene sambil melihat sekilas jambatan indah Cambridge, termasuk jambatan tertuanya. Pelayaran ini juga akan membawa peserta melihat Perpustakaan Kolej Trinity dan sebuah gereja kecil yang cantik. Semasa lawatan, pemandu akan menerangkan sejarah ringkas dan trivia menarik lain tentang Cambridge University.

Lawatan secara kumpulan kecil ini akan membolehkan kita menerokai pemandangan indah sekitar Sungai Cam di Cambridge dari sudut perjalanan air. Di atas *punting*, pemandu pelancong akan membawa peserta dalam perjalanan selama 45 minit melalui Sungai Cam.

Kebanyakan pelawat akan singgah di King's College, Trinity College dan Kolej St. John. Ini adalah

kolej tertua, terkaya dan paling berprestij di Cambridge University. Trinity College adalah kolej konstituen Cambridge University yang diasaskan pada tahun 1546 oleh Raja Henry VIII. Trinity ialah salah satu kolej Cambridge terbesar dengan endowmen kewangan terbesar di mana-mana kolej sama ada di Cambridge atau Oxford. King's College sangat cantik dengan bangunan yang paling dikenali di Cambridge. King's College Chapel terletak di tengah-tengah dan penuh dengan sejarah yang menarik.

*Lets Go Punting* menawarkan lawatan punting persendirian dan perkongsian ke Cambridge dan kolej tepi sungainya. Lawatan yang dilengkapi dengan pemandu terlatih dan mahir akan meluncur dengan mudah di sepanjang Sungai Cam sambil menyediakan lawatan yang menghiburkan dengan cerita, anekdot dan fakta sejarah tentang Cambridge University, khususnya kolej, bangunan dan jambatan yang anda lalui semasa lawatan.

Peserta bertolak pulang ke hotel pada jam 5.00 petang selepas menikmati pemandangan indah sekitar Cambridge dari Sungai Cam. Perhentian bas adalah di Jesus Lane St. dan peserta berjalan kaki dari New Park St. menuju ke Quaker Meeting, Jesus Ln, Cambridge sejauh 1 batu selama 20 minit.



Punting di Sungai Cam, Cambridge

### Bakti

Tunjukkan baktimu sebelum menerima bakti  
Kadang baktimu tidak diendahkan  
Usah rasa kecewa  
Kerana baktimu mungkin bukan hadir pada orang yang sama  
Teruskan baktimu agar memberi sinar kegemilangan kepada yang benar  
Mengenangmu

oleh:

**Sherin Sokmum**

Pegawai Pemulihan Perubatan  
Unit Terapi Pertuturan, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM



PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN


PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN







GRADUASI



PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN

PENCAPAIAN • KEJAYAAN • PENGIKTIRAFAN

*Hijrah ke Arah Rebaikan*

Masa yang berlalu bukan untuk ditangisi  
 Namun, masa itu adalah pemangkin semangat  
 untuk berhijrah ke masa hadapan  
 Sungguhpun, masa hadapan masih samar  
 Namun, tetapkan hijrahmu menjadi lebih baik  
 Baik untuk perkembangan diri  
 Baik untuk kesejahteraan keluarga  
 Baik untuk pembangunan kerjaya  
 Baik untuk tahap kesihatan  
 dan baik untuk segala-galanya

oleh:  
**Sherin Sokmum**  
 Pegawai Pemulihan Perubatan  
 Unit Terapi Pertuturan,  
 Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM



*Peluang*

Peluang hadir tanpa isyarat  
 Hanya yang peka merebut dan mengolahnya  
 Yang lalai membiarkannya berlalu tanpa disapa  
 Apabila peluang telah disambar  
 Ciptakan momen melalui  
 Liku-liku kejayaan  
 Maknai nilai pada peluang yang diberikan

oleh:  
**Sherin Sokmum**  
 Pegawai Pemulihan Perubatan  
 Unit Terapi Pertuturan,  
 Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM





Burung pipit burung kedidi,  
Hinggap sekejap di pokok mangga;  
Buat semua ahli PERTADI,  
Terima kasih diucap tidak terhingga.